# PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat


**MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان**

"SESUNGGUHNYA Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah-amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia (hendaklah) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah (dengan suruhan-Nya itu) memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisaa, ayat 56.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.29 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.26 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.13 | Daerah Belait ditambah 3 minit, Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 67 BILANGAN 134 | 7 NOVEMBER 2022 / 1444 ربيع الأخير 12 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA


*"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.*

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# PEGAWAI BERKREDIBILITI, BERINTEGRITI TINGGI DIPERLUKAN



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. - Foto : Hamzah Mohidin (*Lihat muka 3*).**

# Masalah disiplin, etika kerja jejaskan imej kerajaan

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 November. - Masalah disiplin dan etika kerja yang tidak dipatuhi seperti lambat datang semasa bertugas jangan dipandang ringan, kerana risikonya boleh menjejaskan khidmat dan imej yang tidak elok kepada kerajaan.

Bersabit dengan pembukaan semula sempadan darat pada Ogos 2022, orang ramai pula berpusu-pusu untuk membaharui pasport masing-masing di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) dan cawangan-cawangannya di semua daerah.

Perkara berkenaan antara yang ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah pada siri Keberangkatan Tidak Berjadual ke JIPK hari ini.

**>> Muka 4**

# Pertingkatkan usaha ASEAN ke arah integrasi ekonomi

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**BERAKAS**, Sabtu, 5 November. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menerima Laporan Pengerusi ASEAN BAC Brunei 2021 (ASEAN BAC Brunei Chaimanship 2021 Report), disampaikan oleh Pengerusi ASEAN BAC 2021, Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman; Pengerusi ASEAN BAC Brunei 2022 dan Ketua Pegawai Eksekutif, Dynamik Technologies, Dayang Haslina Taib; Pengerusi East Asia Business Council (EABC) Brunei dan Pengarah Urusan, Adinin Group of Companies, Awang Musa Adnin; dan Pengurus Besar, PDS Abattoir, Awang Sabirin Othman.

Laporan Pengerusi berkenaan merangkumi maklumat komprehensif mengenai penyampaian ASEAN BAC, di bawah Pengerusi Brunei (Brunei Chairmanship), Agenda Dasar (Policy Agendas), Projek Legasi Brunei (Brunei Legacy Projects), Meja Bulat ASEAN (ASEAN Roundtables), ABIS & ABA 2021, bidang tumpuan strategik dan cadangan praktikal dalam bidang integrasi ekonomi serantau; penjagaan kesihatan; kemudahan perdagangan; agenda pembangunan PKS; pemulihan hijau dan mampan yang penting bagi pemulihan rantau ASEAN.

**>> Muka 9**

# Kebawah DYMM akan berangkat ke Kemboja

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 6 November. - Kerajaan Kemboja selaku Pengerusi ASEAN bagi Tahun 2022 akan menjadi tumpuan serantau pada bulan November ini, di mana negara berkenaan bakal menghoskan Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-40 dan Ke-41 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang menghimpunkan para Pemimpin ASEAN dan Rakan-rakan Dialog bagi meneruskan perbincangan mengenai agenda dan keutamaan ketiga-tiga tunggak Komuniti ASEAN iaitu ASEAN Political-Security Community, ASEAN Economic Community dan ASEAN Socio-Cultural Community serta mengukuhkan kerjasama ASEAN bersama Rakan-rakan Dialog.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijangka berangkat ke Sidang-sidang Kemuncak ASEAN tersebut yang akan berlangsung di Phnom Penh, Kemboja pada 10 hingga 13 November 2022.

**>> Muka 7**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

# Berita Utama



PENGUNDIAN, pemilihan calon Penghulu Mukim Kiudang

Muka 12



TINGKAT pengetahuan, kesedaran hak perlindungan warga emas

Muka 18



QARIAH muda inspirasi masyarakat

Muka 20



# Tangani isu kemasyarakatan global, setempat

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillaahir Rahmaanir Raheem**
**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil An Bi Yaa E Wal Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Amma Ba'du.**

**DALAM** kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan serta tahniah kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Seminar Antarabangsa Pendidikan dan Sains Sosial 2022 (International Conference on Education and Social Sciences (ICESS-01 2022) kerana dapat mengungkayahkan majlis ilmu yang sungguh bermakna ini. Terima kasih juga kerana mengundang saya untuk merasmikan pembukaan majlis pada pagi ini.

Seminar antarabangsa kali pertama ini yang bertemakan 'Pendidikan Sains Sosial dan Kemasyarakatan Pemangkin Kesejahteraan Ummah' boleh disifatkan sebagai penting dan relevan dalam memberi pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat terhadap dimensi gugusan sains kemasyarakatan merangkumi aspek sejarah, peradaban dan ketamadunan, sosiologi, antropologi, ekologi, linguistik, pendidikan dan lain-lain.

Seminar ini juga penting sebagai wadah untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kewujudan gugusan sains kemasyarakatan dan kepentingannya dalam aspek keguruan Islam.

Seperti yang kita maklumi, penekanan kepada islamisasi ilmu (Islamization of Knowledge) dalam bidang sains kemasyarakatan berasaskan Maqasid Syariah adalah lebih *significant* untuk menangani isu kemasyarakatan global dan setempat, selaras dengan tradisi perkembangan ilmu dalam tamadun Islam. Adalah perlu bagi setiap individu dan pemikir Islam untuk bersikap kritis dalam memahami erti *apologetic* dan *accommodative* hasil daripada kesedaran intelek yang rasional. Hal ini, kerana pemikiran dan pemahaman biasanya dipengaruhi oleh emosi dan pegangan yang diambil daripada selain manhaj Islam.

Kerana itu, kita jangan lupa, dalam pendidikan, ada dua persimpangan yang mesti difahami. Satu persimpangan Pendidikan Islam dan dua persimpangan Pendidikan Barat. Kita perlu kenal dan memahami kedua-duanya ini.

Di sana ada empat konsep pendidikan menurut perspektif barat, iaitu bermula dari Sekuler, Liberal, Pragmatis dan Materialis. Dalam makna, pendidikan dalam peradaban barat itu adalah meminggirkan sama sekali kepercayaan ugama. Berbanding konsep pendidikan Islam ia dibangun atas wahyu dan kepercayaan ugama.

Dari sudut karakteristik pendidikan, pendidikan Islam adalah jelas sangat unggul dari lain-lain pendidikan. Kerana dasar pendidikan Islam itu adalah mencakup Tarbiah, Ta'lim dan Ta'dib.

Tarbiah berasal dari tiga kata :

i. *Rabba Yarbuu* ertinya bertambah atau bertumbuh.

ii. *Rabbaa Yarbaa* ertinya jadi besar.

iii. *Rabba Yarubbu* ertinya memperbaiki, menuntun, menjaga dan memelihara.

Jadi dari tiga asal kata ini, pendidikan atau tarbiah itu dapatlah disimpulkan sebagai mempunyai empat unsur : (1) Untuk memelihara fitrah pertumbuhan kanak-kanak menjelang baligh, (2) Untuk mengembang besarkan seluruh potensi yang sifatnya adalah pelbagai, (3) Untuk membawa anak didik menuju kebaikan dan kesempurnaan yang selayaknya dan (4) Proses ini dilaksanakan secara bertahap.

Kemudian Ta'lim, merupakan bahagian dari tarbiah yang tujuannya untuk memperolehi pengetahuan dan keahlian berfikir.

Sementara Ta'dib ialah kegiatan pendidikan, sehingga semua ilmu yang dihasilkan oleh akal manusia disebut ia adab atau peradaban di mana seorang pendidik layak dia digelar *muaddib*.

Demikian pendidikan Islam itu merupakan proses transformasi ilmu pengetahuan kepada anak didik untuk menjadi insan kamil, caranya, pendidikan tidak boleh tidak mesti dibangun atas wahyu dan kepercayaan ugama, bukan seperti pendidikan barat yang didakwa sebagai bebas nilai, tetapi sebenarnya bukan betul-betul bebas nilai, melainkan yang tepatnya hanya bebas dari nilai-nilai ketuhanan dan ugama, yang makanya pendidikan barat itu dinamakan ia sekuler, memisahkan ilmu dari ugama.

Berbeza dengan pendidikan Islam, yang berfungsi untuk membangun manusia dengan wahyu dan ugama. Ini, dimulakan dari awal-awal lagi, sebagaimana petunjuk hadis riwayat al-Hakim :

Maksudnya : *"Mulakanlah (mengajar) anak-anak kamu dengan Laa Ilaaha Illalah sebagai perkataan pertama".*

Ini, bertepatan dengan syariat azan dan iqamah terhadap kanak-kanak yang baru lahir. Inilah pendidikan awal Islam. Mana ada satu pendidikan lain yang serupa dengan pendidikan cara Islam ini.

Selepas itu, menyelusuri perkembangan kanak-kanak, Islam menyediakan sistem yang seimbang melalui konsep targhib (memberi galakan) dan konsep tarhib (memberi ancaman), sebagaimana hadis riwayat Abu Daud yang bermaksud : *"Perintahkan anak-anak kamu untuk sembahyang ketika mereka berumur 7 tahun, dan pukullah mereka (jika tidak mahu sembahyang) ketika berumur 10 tahun, dan pisahkan tempat tidur mereka".*

>> Muka 8



**MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned berucap pada Perasmian Seminar Antarabangsa Pendidikan dan Sains Sosial 2022 yang berlangsung di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) pada 22 Oktober 2022.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| NOVEMBER MASIHI | HARI | RABIULAKHIR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 7 | ISNIN | 12 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.29 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.13 |
| 8 | SELASA | 13 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.29 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.13 |
| 9 | RABU | 14 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.30 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.13 |
| 10 | KHAMIS | 15 | 4.36 | 4.46 | 6.07 | 6.30 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.14 |
| 11 | JUMAAT | 16 | 4.36 | 4.46 | 6.07 | 6.30 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.14 |
| 12 | SABTU | 17 | 4.37 | 4.47 | 6.07 | 6.30 | 12.05 | 3.27 | 6.02 | 7.14 |
| 13 | AHAD | 18 | 4.37 | 4.47 | 6.07 | 6.31 | 12.06 | 3.27 | 6.02 | 7.14 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 33 / 24 °C | 33 / 24 °C | 33 / 24 °C |
| Pekan Bangar | 32 / 24 °C | 31 / 24 °C | 32 / 24 °C |
| Pekan Tutong | 31 / 24 °C | 32 / 24 °C | 33 / 24 °C |
| Kuala Belait | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 7 NOVEMBER 2022

### Luang masa walau seketika

**IBU** bapa adalah permulaan kita, dapat melihat bulan dan matahari, begitulah antara bait-bait lagu yang pernah kita dengar. Namun ia mempunyai makna yang amat bermakna jika diamati.

Sejak dari kecil kebanyakan masa kita luangkan bersama ibu bapa. Ke sana ke mari pastinya bersama ibu bapa. Menentukan pilihan dengan nasihat dan saranan ibu bapa. Keluar bersiar serta melancong bersama ibu bapa.

Apabila kita sudah bekerja atau mempunyai kerjaya, kita akan sibuk dengan tugasan yang ada, maka masa bersama ibu bapa pasti akan berkurangan secara tidak langsungnya. Terkadang masa yang ada sudah diisi dengan komitmen kepada diri sendiri dan pelbagai komitmen lain yang ada.

Apabila sudah berumah tangga dan mempunyai keluarga sendiri, maka masa yang ada lebih banyak tertumpu buat suami isteri dan anak-anak kita, memenuhi segala keperluan mereka sejak dini hari, mengulang kembali rutin harian yang biasa pada keesokan harinya.

Berikut antara kitaran hidup kita sebagai manusia, namun apa yang perlu diingat akan tanggungjawab kita kepada ibu bapa yang masih ada. Walau mereka tidak berkata, namun jauh di sudut hati mereka pasti terasa.

Terasa ingin bersama anak-anak dan cucu-cucu mereka walau cuma seketika, makan bersama, berbual bersama, bergurau senda bersama, meluangkan masa bersama, berjemaah bersama, pasti nikmat kebersamaan amat tinggi dan bermakna nilainya.

Dalam kesibukan tugasan atau urusan harian, jangan lupa untuk bertanya khabar berita ibu bapa kita, walau cuma dengan panggilan telefon atau *video call* seketika cuma, walau dengan teks yang ringkas namun amat bermakna untuk mereka.

Ibu bapa tidak akan bersuara secara langsung kepada kita, namun jika dilihat pada riak wajah mereka pasti tergambar kegembiraan mereka apabila dapat bersua bersama anak-anak dan cucu-cucu mereka serta berbual mesra meluang masa bersama mereka.

Kemesraan bersama ibu bapa atau keluarga seperti zaman dahulu amat sukar untuk diperoleh kini. Dahulu apabila ada majlis pasti ada orang yang akan berkunjung meramai-ramai rumah *kitani*. Suasana sebegini sudah sukar untuk dihidupkan kembali.

Mungkin dengan teknologi terkini kita dapat berkumpul bersama para jemputan dari segenap pelusuk negara, bahkan dari luar negara, berkomunikasi bersua muka secara maya, namun tidak di satu tempat secara fizikalnya.

Begitulah antara senario teknologi terkini, walaupun dapat menghubungkan bersama orang di mana jua dan bila-bila masa, namun tidak akan sama dengan kehadiran kita di hadapan ibu bapa keluarga tercinta secara sua muka.

Kendala terkini adalah telefon bimbit yang sentiasa di hujung jari jemari, terkadang sesama sepupu atau saudara sendiri masih sibuk dengan skrin di hujung jari, berbual sekadar melalui teks di hujung jari, secara tidak langsung masa berkualiti berbual bersama secara sua muka terlepas begitu sahaja, bahkan tidak wujud sama sekali.

Mungkin teknologi antara kendala, namun bukan yang menguasai kita, begitu halnya dengan pembahagian masa, jangan lupa untuk memberikan masa bersama ibu bapa keluarga tercinta awda.

Masa berlalu tidak dapat diputar kembali, begitu juga dengan segala yang berlaku tidak dapat diulang kembali, jika masih ada ibu bapa di depan mata kini, ambillah peluang yang ada untuk berbakti.

Ibu bapa sentiasa ada bersama kita dahulu, begitu halnya dengan kita bersama anak kita kini, luangkanlah masa bersama ibu bapa dengan lembaran baharu, coretan kisah kita bersama keluarga kita dan ibu bapa edisi terkini.

Usaha tangga kejayaan dalam segala hal yang dilakukan, dalam mengekalkan segala hubungan berkekalan, dalam menjadi sebuah keluarga yang gembira seperti yang diimpikan, dalam meraih keberkatan, dalam mencapai kejayaan, dalam memulakan dan meneruskan segala impian.

Jika ada terusik mahupun terasa hati, mulakan langkah perbetul keadaan kini, berusaha, berdoa dan bertawakal sentiasa di dalam hati, semoga permulaan yang baik bakal diberkati dan dirahmati oleh Ilahi, *Amin Amin Amin Ya Rabbal Alamin.* - **Ketua Penyuntingan (Nb).**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سندرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Pegawai berkredibiliti, berintegriti tinggi diperlukan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 November. - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) berkewajipan sebagai pemeriksa, pengendali operasi, penguat kuasa yang menangani pelbagai isu dan itu semua memerlukan pegawai-pegawai yang mempunyai kredibiliti dan integriti yang tinggi.

Justeru, mengenai kepelbagaian isu di Brunei Darussalam, antara isu yang tidak pernah selesai, malah terus menjadi-jadi ialah isu penyeludupan barang-barang tegahan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan demikian semasa mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke JKED, yang berlangsung di bangunan jabatan berkenaan, di sini.

Baginda bertitah mempersoalkan mengapakah isu tersebut terus berlaku?

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menambah, mungkin sahaja berpunca dari agensi-agensi yang berkenaan, belum menemui cara berkesan untuk menanganinya. Bahkan, boleh jadi juga disebabkan masih terdapat faktor-faktor kelemahan, seperti kurang kepakaran atau tanpa keazaman yang bersungguh-sungguh untuk membanterasnya.

"Maka, di sinilah mustahaknya kita mempunyai pemimpin dan pegawai-pegawai penguasa yang lebih fokus dan tegas serta berani bertindak. Mengenai sikap tegas, berani, dan adil sangat kita perlukan untuk merealisasikan kebajikan rakyat tercapai.

"Kita tidak mahu sebarang agensi kerajaan memberikan layanan berbeza kepada orang ramai, misalnya mengenai pengenaan cukai, orang biasa dikenakan cukai penuh sedangkan orang kenamaan akan disediakan dokumen pembayaran cukai yang lebih rendah. Ini tidak boleh berlaku kerana jika berlaku juga, bererti kezaliman telah mengambil tempat dan keadilan berkubur," ujar titah Kebawah DYMM.

Demikian juga ada ketika-ketikanya, JKED tegas baginda lagi, mengenakan cukai hanya secara rambang terhadap barang-barang peribadi tertentu yang dibawa masuk ke negara ini, yang boleh menyebabkan kekeliruan.

Bukan itu sahaja, Kebawah DYMM juga bertitah menekankan mengenai isu pecah amanah yang menjijikkan, seperti baru-baru ini yang berlaku ke atas seorang Pegawai Kastam, di mana telah menyalahgunakan wang tunai ratusan ribu ringgit. Wang yang disalahgunakan itu ialah untuk membayar tuntutan lebih masa, elaun, perjalanan dan elaun syif bagi Pegawai-pegawai JKED.

"Lain lagi yang telah atau mungkin juga masih terus berlaku penyalahgunaan barang-barang rampasan. Segelintir petugas yang berkenaan pernah diketahui terlibat dan bahkan ada yang telah digantung tugas kerana menyalahgunakan kuasa mengenai barang-barang rampasan," tegas baginda.

Baginda seterusnya bertitah menyatakan, setengah mereka itu terdiri daripada petugas-petugas dalam operasi-operasi rampasan, tetapi mengambil kesempatan menjual beberapa barang rampasan kepada pihak-pihak tertentu secara gelap.

Antara barang yang kerap dijual adalah rokok berjenama, dijual kepada pihak-pihak tertentu, begitu juga selalu kedengaran didengar di seludup ialah arak dan daging-daging mentah tanpa permit halal dan lain-lain lagi, yang semua itu berpotensi untuk mendatangkan keuntungan besar.

"Lain lagi cerita mengenai kebanyakan barang seludup yang belum diambil tindakan dan masih disimpan di Pos-pos Kawalan atau Stor Negara di Gadong dan ada jenis yang sepatutnya sudah dimusnahkan, seperti rokok, tetapi tidak dimusnahkan, bahkan dijual kepada pelanggan-pelanggan tertentu, terutama kepada warga asing.

"Selain dijual, ada juga yang dibahagi-bahagikan di kalangan kakitangan JKED dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) sebagai kegunaan peribadi," tegas baginda lagi.

Baginda bertitah, jika ini benar berlaku, menunjukkan proses pemusnahan tidak dibuat secara betul, dilakukan secara cuai, seperti tanpa kehadiran pihak-pihak atasan untuk menyaksikan pemusnahan tersebut.

Jelas baginda, jika ini berlaku ke atas rokok, tidak mustahil ia juga boleh berlaku ke atas lain-lain barang, seperti arak, daging mentah dan lain-lain. Ini namanya jenayah dalaman, yang memerlukan keberanian dan ketegasan para pegawai atasan untuk mencegah atau membanterasnya.

Terdahulu, Kebawah DYMM bertitah menggariskan, bahawa JKED boleh dikatakan jabatan yang cukup matang kerana usianya telah menjangkau lebih 100 tahun.

Dalam menjalani masa yang panjang, titah baginda, sudah tentu telah sekian ramai pegawai atau ketua pernah menerajuinya. Namun, hanya sejarah jua yang menentukan siapakah di antara pegawai atau ketua yang sekian ramai itu yang dapat mengemudi jabatan tersebut dengan baik dan berjaya.

"Beta melihat, semakin tua dunia dan semakin maju manusia, maka semakin berliku pula jalan yang harus ditempuh oleh JKED kerana banyak perkara yang menguji kewibawaan, kebijaksanaan dan ketulusan pegawai-pegawai yang berkenaan," titah baginda.

Ini, jelas baginda, terus menjadi cabaran kepada negara untuk memiliki barisan pegawai yang gigih, rajin, jujur, berani dan amanah, lebih-lebih lagi JKED.

# PIHAK BERKUASA BERHAK, BERKEWAJIPAN TANGANI JENAYAH DENGAN UNDANG-UNDANG

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 November. - Isu rasuah bukanlah isu mudah yang boleh ditangani dengan cara berlebih kurang sahaja kerana isu ini risikonya sangat tinggi, bukan saja kepada pihak yang dituduh, malah jua kepada pihak penguat kuasa yang menanganinya.

Justeru, pihak penguat kuasa tidak memadai setakat membuat tuduhan dengan cepat-cepat membuka fail atau cepat-cepat menutup fail orang yang dituduh, orang kenamaan. Namun sekiranya betul berlaku jenayah, maka pada ketika itu, memang menjadi hak dan kewajipan bagi pihak berkuasa untuk menangani dengan undang-undang untuk memutuskan salah atau tidak.

Perkara itu, antara yang ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah, pada Keberangkatan Tidak Berjadual ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), di Bangunan JKED, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia terdahulu bertitah, satu perkara lumrah yang sangat mengaibkan ialah rasuah, di mana diketahui berlaku di Pelabuhan Muara.

Dalam hal itu, baginda bertitah menyatakan, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN), pada sekitar November 2021, menahan seramai tujuh pegawai bagi tujuan siasatan berhubung dengan sindiket pelepasan cukai dan barang-barang tegahan, yang dimuat di dalam kontena-kontena melalui kapal laut, di Pelabuhan Muara.

"Menurut laporan terkini, April 2022, aktiviti rasuah yang melibatkan para Petugas JKED, di Pelabuhan Muara masih sahaja berlaku. Petugas-petugas terbabit dikatakan menerima sogokan daripada pemilik-pemilik syarikat bangsa asing," titah baginda.

Tegas baginda, sogokan itu dibuat untuk mencepatkan kelulusan dan pengeluaran kontena-kontena tersebut, di mana pemeriksaan hanya dibuat setakat ala kadar sahaja, akan tetapi jika kontena-kontena yang dimiliki oleh warga tempatan, pemeriksaan akan dilakukan secara tegas dan mengikut prosedur yang ditetapkan. Ini adalah laporan di sekitar April 2022.

Sementara kira-kira lima bulan ke hadapan, iaitu sekitar September 2022, baginda bertitah di mana JKDN telah menahan beberapa Pegawai dan Kakitangan JKED kerana disyaki dengan kegiatan rasuah semasa bertugas.

"Kes ini sudah dipanjangkan ke Biro Mencegah Rasuah (BMR) bagi tindakan lanjut. Ini baru kejadian di Pelabuhan Muara. Belum lagi apa yang berlaku melalui jalan-jalan darat yang juga tidak kurang menyaksikan kenderaan-kenderaan berat, yang sering membawa kontena-kontena bersaiz besar. Bagaimanakah cara kontena-kontena itu diperiksa? Sebelum dilepaskan.

"Beta mengambil maklum, pihak kita mempunyai alat X-ray Scanner bagi pemeriksaan kenderaan-kenderaan, adakah alat ini digunakan sepenuhnya dengan sempurna dan konsisten untuk mengesan apa-apa yang perlu dikesan, beta sangat berhajat untuk mengetahuinya," tegas baginda lagi.

PELITA BRUNEI

# PASTIKAN KEBERKESANAN KESELAMATAN KPP BAHARU

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa kita kini sekarang berada di era Kad Pengenalan Pintar (KPP) baharu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam difahamkan salah satu keunikan KPP baharu ini ialah sukar untuk dibuat salinan atau dipalsukan tetapi masih menjadi kewalangan.

Justeru itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mempersoalkan bagaimana kad berkenaan tidak boleh disalin di samping timbul juga kekhuatiran sekiranya sindiket pemalsuan mungkin sahaja mampu dalam kalangan oleh warga Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) sendiri.

"Dalam makna, belum ada jaminan, dari segi keselamatan ini. Oleh itu, mustahaklah diajukan perkara ini kepada pihak Information Technology Protective Security Services Sdn. Bhd. (ITPSS) selaku wakil syarikat Dermalog untuk memberikan penjelasan yang terperinci," tegas baginda semasa bertitah pada siri Keberangkatan Tidak Berjadual ke JIPK hari ini.

Inti pati titah Kebawah DYMM juga mengetengahkan antara isu paling mencabar ialah mengenai KPP.

Baginda bertitah menjelaskan, menurut kenyataan pihak JIPK, permohonan bagi penggantian KPP kuning dan ungu telah dibukakan semula pada 19 September 2022 di samping mengekalkan permohonan pendaftaran bagi pemohon yang berumur 12 tahun.

Brunei titah baginda lagi, sedang menggunakan sistem yang dibina oleh syarikat dari Jerman, Dermalog, yang menurut syarikat berkenaan, Negara Brunei Darussalam adalah merupakan negara pertama dunia yang memperkenalkan Kad Pengenalan dengan biometrik cap jari bersepadu.

"Namun, kita masih sahaja menunggu akan keberkesanannya," titah Kebawah DYMM lagi.

Terdahulu, baginda bertitah menerangkan, walaupun sudah lebih daripada sekali pernah mengadakan lawatan ke JIPK, namun baginda masih sahaja terpanggil untuk membuat lawatan.

JIPK titah baginda, adalah sebuah jabatan yang menjadi tumpuan orang ramai bagi membuat pelbagai urusan tertentu.

"Di masa-masa kebelakangan ini, banyak masalah kedengaran berlaku terutama pelbagai sungutan mengenai kelambatan memproses sesuatu permohonan orang ramai.

"Ini turut menyangkut kelemahan pengurusan atau ketiadaan para pegawai khusus yang bertanggungjawab untuk memantau dan memberikan keputusan atau boleh juga berlaku kerana pelbagai dasar yang sedia ada tidak dikemas kini," tegas titah baginda.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK).**

# Masalah disiplin, etika kerja jejaskan imej kerajaan

**>> Muka 1**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam difahamkan pada sekitar bulan Ogos dan September 2022, hanya satu sahaja daripada empat mesin pencetak yang berfungsi di Ibu Pejabat JIPK, sementara yang lain mengalami kerosakan.

"Selain itu, turut memburukkan lagi keadaan ialah segala permohonan di cawangan-cawangan seluruh negara, semuanya dihantar ke ibu pejabat untuk proses pencetakan kerana cawangan-cawangan lain tidak disediakan mesin pencetak.

"Ini juga telah menjadi faktor berlakunya tunggakan dan melambatkan lagi proses penyiapan pasport sehingga melimpasi tempoh yang ditetapkan," tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Juga masalah ketara yang belum lagi ditemui jalan penyelesaian, tambah titah baginda, ialah barisan panjang yang didakwa sebagai barisan untuk membaharui pasport di Ibu Pejabat JIPK.

Perkara berkenaan jelas titah baginda, diandaikan berlaku kerana beberapa faktor antaranya pembatasan pemberian nombor dan kelambatan urusan di kaunter.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah, maka berbangkit daripada itu, orang ramai pun dilihat beratur seawal jam 4.00 pagi untuk mendapatkan nombor giliran dan barisan panjang kereta-kereta menuju Ibu Pejabat JIPK dapat dilihat dari seawal jam 5.00 pagi. Ini juga berlaku di cawangan-cawangan JIPK di semua daerah.

Ternyata di sini yang menjadi isu ialah jumlah nombor giliran yang terhad yang menyebabkan orang ramai terpaksa datang awal untuk mendapatkannya.

Jadi apa ikhtiar untuk mengatasinya?, soal baginda.

"Beta difahamkan ikhtiar itu ada, seperti menambah kerusi di kawasan lobi dan di luar pintu untuk Ibu Pejabat JIPK, termasuk memasang beberapa khemah di luar bangunan serta menambah kaunter perkhidmatan dan sekali gus menambah masa bagi kaunter-kaunter itu dibuka," jelas titah baginda.

Baginda seterusnya bertitah mempersoalkan, jika semua ini masih kurang efektif, apakah ada yang ikhtiar lain selain itu? Sepatutnya mestilah ada. Seumpamanya mengapa tidak dicuba penghantaran borang secara *drop-off* sahaja. Sebagaimana pernah dipraktikkan semasa pandemik COVID-19.

"Jika kaedah ini dipakai, rasanya tidaklah perlu bagi untuk menunggu lama-lama hanya kerana untuk mendapatkan nombor giliran," tegas baginda lagi.



**ANTARA warga JIPK yang hadir.**

# Lakukan pemantauan secara menyeluruh

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titahnya hari ini menyatakan ada banyak lagi perkara lain yang juga masih memerlukan perhatian, termasuk isu rasuah yang mendalangi pengurusan dan pentadbiran.

"Ini beta sebutkan adalah sebagai peringatan kerana manalah tahu kalau-kalau masih ada yang terlibat, sekalipun beberapa orang telah disiasat dan diambil tindakan mengenainya," tegas baginda semasa mengurniakan titah pada siri Keberangkatan Tidak Berjadual ke Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) hari ini.

Di samping itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan keadaan di Pos-pos Kawalan juga memerlukan pemantauan secara menyeluruh dari bangunan tempat bertugas sampai kepada kabin-kabin pemeriksaan dan laluan-laluan kenderaan biasa dan kenderaan berat adalah mustahak untuk dipantau dan bahkan dipastikan keadaannya sentiasa baik dan selamat.

"Bukan membiarkan bangunan terlalu sempit, kabin-kabin sudah usang dan jalan-jalan dibiarkan rosak, serta laluan kenderaan biasa disatukan dengan kenderaan berat tanpa menghiraukan risiko bahaya yang mungkin berlaku.

"Oleh yang demikian, beberapa permasalahan untuk segera diatasi atau dihuraikan," ujar titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

# JKED, JIPK MENJADI PERHATIAN KEBERANGKATAN TIDAK BERJADUAL KEBAWAH DYMM





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) (kiri dan kanan).**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 November. - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) serta Jabatan Imigresen dan Pendaftaran kebangsaan (JIPK) menjadi tumpuan Keberangkatan Tidak Berjadual Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di bangunan jabatan-jabatan berkenaan, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berkenan berangkat ke JKED.

JKED adalah di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan mula ditubuhkan kira-kira 116 tahun lalu. JKED memudah cara perdagangan merentas sempadan dengan mengenalkan Sistem Brunei Darussalam National Single Window (BDNSW) yang digunakan oleh ejen-ejen punggah edar.

Visinya adalah mengukuhkan keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan negara manakala, misinya pula adalah membantu memelihara keselamatan negara, memudah cara perdagangan serta meningkatkan kutipan hasil.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia didahului ke Unit Perkhidmatan Pelanggan di Bahagian Perkhidmatan dan Perhubungan Korporat, yang berperanan memberikan khidmat serta perhubungan orang awam bagi membantu permohonan berkaitan import serta eksport.

Kebawah DYMM, seterusnya ke Bahagian Dasar dan Antarabangsa yang bertanggungjawab untuk meneliti dasar dan antarabangsa melalui perhubungan dengan perkastaman bersama Pertubuhan Kastam Sedunia (World Customs Organization), sejurus itu diikuti lawatan ke Unit Perisikan.

Baginda kemudiannya berkenan melawat ke Bahagian Perkembangan Sumber Manusia dan Pengurusan Korporat, di mana bahagian ini berperanan untuk menguruskan hal ehwal pegawai-pegawai dan kakitangan, khususnya dalam sumber manusia, pembekalan barang-barangan pejabat, pelupusan dan pengurusan aset-aset jabatan.

**>> Muka 6**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke beberapa bahagian di JKED (kanan dan kanan sekali).**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengarkan sembah penerangan semasa lawatan tersebut (kiri dan kanan).**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berinteraksi bersama orang ramai yang berurusan di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran kebangsaan (JIPK) (atas kiri dan atas).**

**>> Muka 5**

Seterusnya, baginda melawat di Unit Perkhidmatan ICT, di mana unit tersebut adalah untuk memantau serta memastikan Sistem BDNSW dan sistem-sistem di bawah penyeliaannya ICT berjalan dengan baik serta lancar, di samping memantau dan memastikan bagi penyediaan teknikal.

Setelah itu, Kebawah DYMM seterusnya berangkat membuat tinjauan ke Unit Perkhidmatan Kewangan dan kemudian ke Unit Pentadbiran, di mana kedua-dua unit berkenaan menguruskan dan mentadbir hal ehwal Pegawai-pegawai JKED. Selain itu, memproses hal ehwal kewangan, kutipan hasil, elaun-elaun pegawai serta kakitangan, gaji dan bonus.

Setelah itu, baginda meneruskan lawatan ke bilik Timbalan Pengawal Kastam dan Eksais Diraja serta Pengawal Kastam dan Eksais Diraja sebelum berkenan mengurniakan titah dan sesi soal jawab bersama Pegawai-pegawai serta Kakitangan JKED, di Dewan Kyoto, JKED.

Pada masa ini, JKED mempunyai keramaian seramai 446 pegawai beruniform, manakala 495 adalah keseluruhan Kakitangan JKED.

Bagi Keberangkatan Tidak Berjadual Kebawah DYMM ke JIPK, baginda mula-mula berkenan berangkat melawat ke Bahagian Kad Pengenalan Pintar (KPP).

Bahagian KPP bertanggungjawab dalam mengendalikan permohonan bagi kad pengenalan pintar kepada warganegara Brunei Darussalam, Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam dan warganegara asing yang berkelayakan.

Permohonan KPP boleh dipohonkan di Ibu Pejabat, JIPK atau di Pejabat-pejabat Cawangan di daerah yang lain.

Bahagian Kad Pengenalan Pintar (Ibu Pejabat) hanya menerima permohonan membuat atau membaharui KPP secara tempahan sahaja. Tempahan bolehlah dibuat melalui salah satu kaedah, iaitu melalui Aplikasi QueUP atau e-mel ke *ic.sectionhq@immigration.gov.bn* atau menghubungi +673 7299586 melalui Pesanan WhatsApp sahaja.

Permohonan secara *walk-in* pula hanya dibukakan kepada Warga Emas dan Orang Kurang Upaya. Permohonan *walk-in* juga diterima di Pejabat-pejabat Cawangan Daerah Tutong; Daerah Belait; dan Daerah Temburong.

Ini diteruskan ke Kaunter Dokumen Perjalanan (Pasport) bagi Warga Emas dan Orang Berkeperluan Khas. Bahagian Dokumen Perjalanan bertanggungjawab mengeluarkan dokumen perjalanan kepada warganegara dan Penduduk Tetap NBD. Dokumen perjalanan boleh dipohonkan di Ibu Pejabat, JIPK atau di Pejabat-pejabat Cawangan, di daerah-daerah lainnya.

Sehubungan itu, orang ramai adalah disaran untuk memuat turun Aplikasi QueUP dari AppStore atau GooglePlay dan membuat tempahan nombor giliran lebih awal. Ini akan dapat menjimatkan masa menunggu bagi orang ramai serta menjamin nombor giliran bagi permohonan yang dihadapkan.

Permohonan bagi dokumen perjalanan secara *walk-in* masih dijalankan seperti biasa. Terdapat juga kaunter khas untuk warga emas dan kanak-kanak di bawah umur 5 tahun.

Pada lawatan ke JIPK, baginda juga berkenan mengurniakan titah, seterusnya sesi soal jawab bersama para Pegawai dan Kakitangan JIPK.

Juga hadir sama semasa lawatan-lawatan tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; dan Timbalan Menteri JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual di JIPK (atas, kanan dan bawah).**







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual di salah satu bahagian di JIPK.**

# BERKENAN TERIMA MENGADAP





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Chief of General Staff of the Viet Nam People's Army dan Deputy Minister of National Defence of Socialist Republic of Viet Nam, Tuan Yang Terutama Senior Lieutenant General Nguyen Tan Cuong (atas dan kiri).**

**Siaran Akhbar : Kementerian Pertahanan**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini, berkenan menerima mengadap Chief of General Staff of the Viet Nam People's Army dan Deputy Minister of National Defence of Socialist Republic of Viet Nam, Tuan Yang Terutama Senior Lieutenant General Nguyen Tan Cuong.

Menyertai Tuan Yang Terutama ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tran Van Khoa; Timbalan Pengarah, Jabatan Perisikan Pertahanan, Mejar Jeneral Bui Xuan Khien; Pengarah Jabatan Perhubungan Luar, Mejar Jeneral Vu Thanh Van; dan Ketua Terjemahan dan Tafsiran Pertahanan Nasional Republik Sosialis Viet Nam, Leftenan Kolonel Do Thanh Tung.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Sosialis Viet Nam telah memeterai Memorandum Persefahaman dalam Kerjasama Pertahanan di Bidang Pertahanan semenjak tahun 2005.

Kedua-dua buah negara mempunyai hubungan pertahanan yang rapat dan sudah lama terjalin yang merangkumi lawatan, pertukaran profesional, eksesais, latihan serta kursus.

TYT Senior Lieutenant General Nguyen Tan Cuong dan rombongan berada di negara ini bagi Lawatan Rasmi selama empat hari, bermula dari 3 hingga 6 November 2022.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama Chief of General Staff of the Viet Nam People's Army dan Deputy Minister of National Defence of Socialist Republic of Viet Nam, Tuan Yang Terutama Senior Lieutenant General Nguyen Tan Cuong dan rombongan.**

# Kebawah DYMM akan berangkat ke Kemboja

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**>> Muka 1**

Ini termasuk keberangkatan baginda bersama para pemimpin lainnya bagi menghadiri Majlis Pembukaan Sidang-sidang Kemuncak ASEAN dan Majlis Santap Malam yang akan dihoskan oleh Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen.

Di bawah tema 'ASEAN A.C.T.: Addressing Challenges Together', Kemboja menekankan semangat 'Kebersamaan (Togetherness)' di mana ASEAN sebagai satu komuniti yang harmoni, aman damai, stabil dan makmur, bersama-sama memberikan tindak balas dan menangani cabaran-cabaran serantau dan global termasuk perubahan iklim, keselamatan makanan dan ancaman keselamatan serantau serta memajukan pemulihan pasca pandemik COVID-19, pembangunan mampan, perdagangan dan teknologi.

Kali terakhir Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Phnom Penh adalah pada tahun 2012 bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-20, Sidang Kemuncak ASEAN Ke-21 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang dihoskan oleh Kerajaan Kemboja.

Selepas Sidang-sidang Kemuncak ASEAN dan Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan meneruskan keberangkatan baginda di Phnom Penh dengan mengadakan Keberangkatan Negara ke Kemboja pada 14 November 2022, yang menandakan Keberangkatan Negara kali kedua baginda ke negara berkenaan selepas mengadakannya buat pertama kali pada 4 hingga 7 April 2007.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia, antara lainnya, dijangka akan menghadiri Majlis Perjumpaan bersama His Majesty Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihamoni, King of Cambodia dan juga akan bertemu Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan hubungan kerjasama dua hala dan pelbagai hala serta usaha-usaha untuk meningkatkan hubungan tersebut sebelum menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman antara kedua-dua buah negara.

Keberangkatan Negara baginda ke Kemboja ini akan mengesahkan semula hubungan dua hala yang mesra dan seterusnya menggariskan keperluan untuk terus menjalin dan meluaskan kerjasama bagi manfaat yang lebih besar kepada rakyat kedua-dua buah negara, ini termasuk kerjasama dalam bidang perdagangan, pendidikan, belia, sukan dan kebudayaan.

Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam dan Kemboja menyambut Ulang Tahun Ke-30 Penubuhan Hubungan Diplomatik sejak hubungan berkenaan dijalinkan pada 9 Jun 1992.




**SIDANG-sidang Kemuncak ASEAN akan berlangsung di Phnom Penh, Kemboja pada 10 hingga 13 November 2022.**

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# AMEC 2022 : SKUAD NEGARA TUNDUKKAN TIMOR LESTE 6 - 2

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BERAKAS**, Sabtu, 5 November. - Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) memulakan saingan kelayakan AFF Mitsubishi Electric Cup 2022 (AMEC 2022) bagi pusingan pertama, dengan menundukkan Timor Leste 6 - 2, di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Abdul Azizi Ali Rahman dan Razimie Ramlli muncul wira bagi pasukan negara setelah masing-masing berjaya menjaringkan dua gol, sementara Azwan Salleh dan Wafi Aminuddin juga turut berjaya menjaringkan gol pada perlawanan berkenaan.

Berangkat menyaksikan perlawanan dan memberikan sokongan kepada skuad negara, cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Pada separuh masa pertama perlawanan menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan namun pasukan kebangsaan NBD terlebih dahulu membolosi gawang Timor Leste pada minit ke-18 selepas Abdul Azizi Ali Rahman bijak melepasi dua pemain pertahanan Timor Leste dan membuat sepakan terus menewaskan penjaga gawang Timor Leste, Junildo Manuel De Castro Pereira.

Sorakan para penonton bergema apabila Abdul Azizi Ali Rahman sekali lagi menghadiahkan gol kedua buat pasukan negara pada minit ke-33 setelah berjaya menyempurnakan sepakan dari sudut kiri oleh Hendra Azam yang ditanduk oleh Nurikhwan Othman tepat kepadanya.

Ketinggalan 0 – 2, Timor Leste terus mencari ruang penyamaan jaringan dan mengatur strategi namun beberapa percubaan masih belum membuahkan hasil.

Gol pertama Timor Leste hanya hadir pada masa tambahan separuh masa pertama menerusi Mouzinho Barreto De Lima setelah menerima hantaran lintang daripada rakan sepasukannya, Olagar Xavier.

Memasuki pada babak kedua perlawanan, skuad kebangsaan di bawah kendalian Ketua Jurulatih, Mario Rivera Campesino terus memberikan tekanan kepada Timor Leste dengan melakukan serangan demi serangan.

Seterusnya, pada minit ke-60, Razimi Ramlli berjaya menjaringkan gol ketiga bagi NBD namun kegembiraan terhenti seketika apabila selang empat minit kemudian, Timor Leste berjaya menambah jaringan kedua melalui sepakan Jhon Oliveira, dari luar petak D susulan menerima hantaran lintang daripada Olagar Xavier.

Azwan Salleh seterusnya menambah lagi derita Timor Leste setelah umpanan daripada Adi Said berjaya disempurnakan dengan baik melalui rembatan kaki kiri pada minit ke-74.

Walaupun dalam keadaan hujan yang turun, ia tidak mematahkan semangat pemain kedua-dua pasukan, malah dengan kemasukan Adi Said yang menggantikan Asyraffahmi Norsamri yang cedera pada separuh masa kedua berkenaan membantu membuka lagi ruang permainan bagi skuad negara.

Gol kelima pasukan negara dihasilkan oleh Wafi Aminuddin pada minit ke-89 dan kemudian Razimi Ramlli menggandakan jaringannya pada minit akhir masa tambahan, iaitu minit ke-93, menjadikan kedudukan jaringan 6-NBD dan 2-Timor Leste.

Ketua Jurulatih Timor Leste, Gopalkrishnan A. S Ramasamy memuji kehebatan pemain pasukan NBD kerana setiap peluang yang ada berjaya disempurnakan dengan berkesan.

Menurutnya, bagi perlawanan pusingan kedua nanti pada 8 November, beliau akan merancang strategi baharu bagi anak-anak didiknya dan akan melakukan yang sebaik mungkin pada perlawanan seterusnya.

Sementara itu, Ketua Jurulatih NBD, Mario Rivera Campesino gembira dengan keputusan pusingan pertama berkenaan namun demikian jelasnya, pasukannya perlu menghadapi satu lagi perlawanan dengan Timor Leste untuk menentukan kelayakan memasuki peringkat kumpulan AMEC 2022.

"Saya sangat berbangga dengan anak-anak didik saya kerana mereka telah bekerja keras dan mempamerkan permainan yang sangat baik dan mereka layak untuk meraih kemenangan pada hari ini.

"Sementara untuk perlawanan seterusnya, saya akan merancang strategi berlainan lagi untuk para pemain," jelasnya.

Pusingan kedua AMEC 2022 ialah perlawanan di antara NBD dan Timor Leste yang akan berlangsung pada 8 November 2022 ini di tempat yang sama dengan pasukan yang menang nanti sekali gus akan layak bersaing dalam persaingan peringkat kumpulan AMEC 2022 yang dijadualkan berlangsung dari 20 Disember 2022 hingga 16 Januari 2023 nanti.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir dan menyokong pasukan kebangsaan dan tiket masuk berharga BND10 boleh diperoleh di Ibu Pejabat Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD House) dan juga di *venue* perlawanan nanti.



**BERANGKAT menyaksikan perlawanan dan memberikan sokongan kepada skuad negara, cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.**




**ABDUL Azizi Ali Rahman menjaringkan gol melepaskan penjaga gawang Timor Leste, Junildo Manuel De Castro Pereira dalam saingan kelayakan AFF Mitsubishi Electric Cup 2022 (AMEC 2022) bagi pusingan pertama diadakan di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.**

# COVID-19 : Tidak ada kes dalam Kategori 5

**Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 6 November. - Sebanyak 442 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 239,234.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, dua kes dilaporkan sedang berada dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Dalam masa yang sama, tidak ada kes turut dilaporkan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Setakat 6 November 2022, Program Vaksinasi masih kekal di tahap yang tinggi, iaitu sebanyak 86.3 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin manakala sebanyak 61.8 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.7 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.9 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.

## 548 kes dilaporkan sembuh

**Oleh : Srinarawie Bidzah**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 November. - Sebanyak 548 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 238,792.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, tidak ada kes dilaporkan berada dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi; dan juga Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Setakat 5 November 2022, Program Vaksinasi masih kekal di tahap yang tinggi, iaitu sebanyak 86.3 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin manakala sebanyak 61.7 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.6 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.9 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.

## HALUAN

# Tangani isu kemasyarakatan global, setempat

**>> Muka 2**

Malah pendidikan Islam mencakup segala perkara yang tidak terlintas kepada lain-lain pendidikan, seperti dalam riwayat Muslim, sahabat Salman Radhiallahu 'anhu telah memberitahu bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah melarang kami dari mengadap kiblat ketika membuang air besar, atau kencing, atau kami beristinja dengan tangan kanan, atau beristinja dengan kurang dari tiga biji batu, atau beristinja dengan tahi binatang atau dengan tulang.

Lihatlah sampai ke sana Islam mengajar dan mendidik penganut-penganutnya, sesuatu yang tidak pernah dihiraukan oleh mana-mana sistem pendidikan di luar Islam.

Maka dalam kesempatan ini, saya ingin berpesan, khusus kepada para pendidik, supaya memberi laluan kefahaman kepada anak-anak didik dan bahkan masyarakat untuk mengenali benar-benar perbezaan di antara pendidikan barat dan Islam, di mana dengan cara itu dapatlah diharapkan akan berkekalan kesedaran dan keberhajatan ummah kepada pendidikan Islam.

Akhirnya, saya turut mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada para pembentang kertas kerja yang diundang daripada Malaysia dan United Kingdom serta juga dari Negara Brunei Darussalam (NBD) sendiri. Mudah-mudahan ilmu yang dikongsikan di dalam seminar ini akan menjadi amal kebajikan untuk semua. Di samping juga saya mengucapkan tahniah kepada KUPU SB dan para pelajar yang terlibat dalam menubuhkan nadi Qawi al-Amin bagi menyungkil bakat, potensi dan semangat berpasukan selaku pelapis kepimpinan di NBD.

Dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan ini merasmikan 'Seminar Antarabangsa Pendidikan dan Sains Sosial 2022' (International Conference on Education and Social Sciences - ICESS-01 2022). Yang bertema : Pendidikan Sains Sosial dan Kemasyarakatan Pemangkin Kesejahteraan Ummah. Dan melancarkan 'Nadi Qawi al-Amin' Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan.

*Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# PERTINGKATKAN USAHA ASEAN KE ARAH INTEGRASI EKONOMI

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**>> Muka 1**

ASEAN-BAC mempunyai mandat untuk menyediakan maklum balas dan panduan sektor swasta untuk meningkatkan usaha ASEAN ke arah integrasi ekonomi. Selain daripada memberi maklum balas sektor swasta mengenai pelaksanaan kerjasama ekonomi ASEAN, serta mengenal pasti bidang keutamaan untuk dipertimbangkan oleh Pemimpin ASEAN.

Sehubungan itu, aktiviti ASEAN BAC terutamanya memfokuskan pada mengkaji dan mengenal pasti isu-isu untuk memudahkan serta menggalakkan kerjasama dan integrasi ekonomi serta melaksanakan program dan projek bagi menyokong Pelan Tindakan Strategik AEC 2025.

Memandangkan ASEAN BAC mengikut susunan penggantian Pemimpin ASEAN, ASEAN BAC Brunei mengambil alih jawatan pengerusi dengan tema 'Pulih. Lebih Kuat. Bersama. SAMA-SAMA' (Recover. Stronger. Together. SAMA-SAMA), di mana ASEAN BAC dipengerusikan oleh Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty, pada tahun 2021.

Pengerusi BAC ASEAN 2021, Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty berkata, "Ia merupakan tahun yang sangat luar biasa bagi Pengerusi ASEAN Brunei walaupun terdapat cabaran bersejarah disebabkan oleh wabak (COVID-19) yang terus menguji ketahanan, keazaman dan perpaduan kita sebagai sebuah wilayah.

"Keazaman yang tidak putus-putus dan tanpa jemu, kegigihan serta kerjasama di antara sektor awam dan swasta - sebagai satu komuniti dalam mencari jalan serta cara untuk menyelamatkan nyawa dan mengembalikan ekonomi kita kepada normal telah menunjukkan, bahawa ia boleh dilakukan dan boleh mencapai lebih banyak lagi selagi mana kita kekal bersama, sama-sama," ujarnya.

"Oleh itu, saya amat berbesar hati dan berterima kasih atas peluang serta keistimewaan untuk menjadi Pengerusi ASEAN BAC dan menerima sokongan yang tidak ternilai daripada kerajaan Negara Brunei Darussalam yang saya kasihi, rakan kongsi serta ASEAN secara keseluruhannya sepanjang menjadi Pengerusi. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beberapa penyokong utama, rakan kongsi dan pihak berkepentingan yang menjayakan Brunei Pengerusi ASEAN BAC 2021," tambahnya lagi.

Sementara itu, Pengerusi ASEAN BAC Brunei 2022 dan Ketua Pegawai Eksekutif, Dynamik Technologies, Dayang Haslina dalam ucapannya menjelaskan, COVID-19 memberikan kita peluang untuk mempercepatkan lagi transformasi digital.

"Dalam keadaan yang terbatas ini, adalah menjadi satu keistimewaan untuk Mempengerusikan Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN 2021, bertemu dengan pemimpin-pemimpin ekonomi dan perniagaan yang hebat dan bekerjasama untuk kelestarian masa depan digital," terangnya.

Pengerusi East Asia Business Council (EABC) Brunei dan Pengarah Urusan, Adinin Group of Companies, Awang Musa kemudiannya menjelaskan Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Brunei mengiktiraf perjuangan perniagaan akibat kesan buruk sosioekonomi dan akibat daripada pandemik COVID-19, seterusnya menterjemahkannya ke dalam tema Anugerah Perniagaan ASEAN 2021 dan aspirasi untuk Negara Anggota ASEAN untuk Pulih, Lebih Kuat, Bersama, Sama-Sama.



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menerima Laporan Pengerusi ASEAN BAC Brunei 2021 yang disampaikan oleh Pengerusi ASEAN BAC 2021; Pengerusi ASEAN BAC Brunei 2022 dan Ketua Pegawai Eksekutif, Dynamik Technologies; Pengerusi East Asia Business Council (EABC) Brunei dan Pengarah Urusan, Adinin Group of Companies; dan Pengurus Besar, PDS Abattoir.**

# Kementerian Pendidikan sertai Mesyuarat PISA PGB Ke-54






**MEWAKILI Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Mesyuarat Programme for International Students Assessment (PISA) Governing Board (PGB) Ke-54, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan selaku PGB NBD (kiri). Manakala gambar atas, Menteri Sains dan Pendidikan Republik Azerbaijan, Emin Amrullayev memberikan ucapan semasa pembukaan sesi mesyuarat plenari.**

**Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan**
**Foto: Ihsan Laman Sesawang Kementerian Sains dan Pendidikan Republik Azerbaijan**

**REPUBLIK AZERBAIJAN**, Sabtu, 5 November. - Mesyuarat Programme for International Students Assessment (PISA) Governing Board (PGB) Ke-54 telah diadakan dari 2 hingga 4 November 2022 di JW Marriot Absheron Baku, Republik Azerbaijan.

Mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) ke mesyuarat berkenaan, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin selaku PGB NBD.

Menteri Sains dan Pendidikan Republik Azerbaijan, Emin Amrullayev, telah memberikan ucapan semasa pembukaan sesi mesyuarat plenari pada hari pertama, 2 November 2022 dan mesyuarat diteruskan dengan beberapa sesi hingga 4 November 2022.

Mesyuarat selama tiga hari berkenaan dikendalikan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) dan dihadiri oleh para pakar dari negara-negara dan ekonomi-ekonomi ahli, bersekutu dan rakan kongsi secara hibrid buat pertama kalinya selepas pandemik COVID-19.

Mesyuarat PGB diadakan dua kali setahun, iaitu pada suku pertama dan suku terakhir setiap tahun.

Pada mesyuarat berkenaan, kira-kira 140 peserta daripada 70 buah negara telah menghadirinya.

Mesyuarat pada kali ini adalah untuk memaklumkan para pakar daripada negara-negara dan ekonomi-ekonomi ahli, bersekutu dan rakan kongsi tentang kemajuan PISA 2022 dan 2025; membincangkan strategi jangka panjang PISA untuk 2024 hingga 2033 dan program berkaitan PISA termasuk Program Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi (RDI) PISA.

Mesyuarat berkenaan juga mendengar pengalaman negara-negara ahli PISA dalam menjalankan PISA.

Turut mengiringi Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) ke mesyuarat berkenaan, Pengurus Projek Kebangsaan (NPM) PISA bagi NBD dan Ketua Pasukan Pengurusan Projek di bawah Jawatankuasa Bertindak PISA Kementerian Pendidikan bagi NBD (Brunei Darussalam MOE-PISA Task Force, MPTF) dari Kementerian Pendidikan, NBD.



# Mini Ekspo HPPPN Ke-12 tutup tirai



YANG Berhormat Menteri Pendidikan selaku Pemangku Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menyaksikan pameran dan petak jualan semasa Mini Ekspo tersebut.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Hamzah Mohidin**



Ucapan alu-aluan dari Timbalan Setiausaha Tetap I KSSUP.

**BERAKAS**, Ahad, 6 November. - Orang ramai tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan pelbagai barangan yang dijual pada hari terakhir Mini Ekspo Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (HPPPN) Ke-12 di mana diteruskan dengan Sambutan Majlis Penghargaan yang diadakan di Dewan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas, hari ini.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Pendidikan selaku Pemangku Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan di Mini Ekspo tersebut.

Terdahulu, Timbalan Setiausaha Tetap I KSSUP, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi dalam ucapannya berkata bahawa Majlis Penghargaan ini merupakan acara penutup bagi Sambutan HPPPN Ke-12 yang diadakan selama empat hari bermula 3 hingga 6 November 2022.

Menurut beliau, sebanyak 65 pengusaha telah mengikuti Aktiviti Gerai Jualan Mini Ekspo HPPPN Ke-12 ini di mana beberapa pengusaha telah mengambil peluang untuk menjalinkan kerjasama perniagaan atau business matching bagi mengembangkan lagi perusahaan mereka.

"Pertandingan ini diadakan adalah sebagai platform kepada pengusaha Industri Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan bagi mempromosikan hasil produk mereka dan sekali gus meningkatkan keluaran serta produktiviti pengusaha," tambah beliau.

Mini Ekspo tersebut turut dimeriahkan dengan beberapa program dan aktiviti menarik sepanjang acara diadakan yang antara seminar dari pengusaha-pengusaha pertanian dan perikanan, *business matching* dari beberapa buah syarikat dan demonstrasi produk pertanian dan perikanan.

Selain itu, acara ini juga diikuti dengan acara sampingan iaitu pameran dan jualan produk perikanan, pertanian dan agrimakanan dari para peladang, petani, penternak dan nelayan serta pengusaha-pengusaha perikanan, dan pertanian serta agrimakanan dari semua daerah.

Pada majlis tersebut, turut disampaikan hadiah bagi pemenang pertandingan yang mengikuti Kategori Tanaman iaitu sayur, buah, pelbagai tanaman dan florikultur (bunga hiasan) dan Kategori Komoditi iaitu keropok udang tempatan dan ikan hiasan spesies betta seterusnya penyampaian cenderahati bagi para hakim Anugerah Khas dan Pertandingan HPPPN.

Turut hadir, Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di KSSUP, Kementerian Pendidikan, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.

# KUNJUNGAN HORMAT KUKUHKAN HUBUNGAN PERTAHANAN, KETENTERAAN





KEMENTERIAN Pertahanan menerima lawatan rasmi daripada Chief of General Staff of the Viet Nam People's Army dan Deputy Minister of National Defence of Socialist Republic of Viet Nam, Tuan Yang Terutama Senior Lieutenant General Nguyen Tan Cuong (kiri) manakala gambar kanan, TYT memeriksa kawalan kehormatan yang terdiri daripada para anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 November. - Kementerian Pertahanan menerima lawatan rasmi daripada Chief of General Staff of the Viet Nam People's Army dan Deputy Minister of National Defence of Socialist Republic of Viet Nam, Tuan Yang Terutama Senior Lieutenant General Nguyen Tan Cuong yang berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) pada 3 hingga 6 November 2022.

Sejurus tiba di Bolkiah Garison, Tuan Yang Terutama disambut oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; dan seterusnya memeriksa kawalan kehormatan yang terdiri daripada para anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

TYT juga turut mengadakan kunjungan hormat kepada Pemerintah ABDB dan semasa kunjungan berkenaan, kedua-dua belah pihak telah menekankan komitmen bersama untuk memperkukuhkan hubungan pertahanan dan ketenteraan dua hala dalam menyumbang kepada keamanan dan kestabilan serantau.

Dalam bidang pertahanan, NBD dan Republik Sosialis Viet Nam telah memeterai Memorandum Persefahaman dalam kerjasama pertahanan pada tahun 2005.

Kedua-dua buah negara mempunyai hubungan pertahanan yang rapat dan sudah lama terjalin yang merangkumi lawatan, pertukaran profesional, eksesais, latihan dan kursus.



# حرمتي دان سايڠي ورݢا أمس

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبۡحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ دڠن سبنر-بنر تقوى ياءيت دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤداڽ. سسڠݢوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبۡحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. مدهمداهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠيتي الله سُبۡحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ، برأوله كجيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

أݢام كيت مڠأنجوركن أومتڽ أݢر ساليڠ حرمة مڠحرمتي دان سايڠ مپايڠي انتارا ساتو سام لاين تنڤا مڠيرا أݢام، درجة، بڠسا اتوڤون كتورونن.

سيكڤ حرمة-مڠحرمتي ڤرلو دسماي سجق دري كچيل لاݢي، لبيه٢ لاݢي دالم مڠحرمتي دان بربوات بايك كڤد إيبوباڤ، اورڠ توا اتوڤون ورݢا أمس سام اد يڠ ممڤوڽاءي هوبوڠن ككلوارݢاٴن اتوڤون تيدق. الله سُبۡحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة النساء آية ٣٦:

تفسيرڽ:

**دان سمبهله الله دان جاڠنله كامو ممڤرسكوتوكنڽ دڠن سوات اڤ ڤون. دان بربوات بايكله كڤد إيبو باڤ، قوم قرابة، أنق٢ يتيم، اورڠ٢ مسكين، جيران تتڠݢا يڠ دكة، جيران تتڠݢا يڠ جاوه، راكن سجاوات، اورڠ٢ مسافر يڠ ترلنتر دالم ڤرجالننڽ (يڠ ترڤوتوس ڤربلنجأنڽ) دان جوك همبا يڠ كامو ميليكي. سسڠݢوهڽ الله تيدق ميوكاءي اورڠ يڠ سومبوڠ دان ممبڠݢا-بڠݢاكن ديري.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

كيت أمة برشكور دنݢارا بروني دارالسلام، كراجأن كباوه دولي يڠ مها مليا ڤادوک سري بݢندا سلطان دان يڠ دڤرتوان نݢارا بروني دارالسلام سنتياس منيتيقبرتكن كباجيقن دان كسجهترأن ݢولوڠن ورݢا أمس دنݢارا إين أݢر سنتياس ترجاݢ دان ترڤليهارا.

حال اين سلارس دڠن داسر نݢارا دان إينسياتيف مجلس كبڠسأن إيسو سوسيال دباوه ڤلن تيندقن ورݢا أمس دالم ممڤستيكن ورݢا أمس دبريكن ڤرهاتين خصوص انتوق منجاليني كهيدوڤن سچارا إينكلوسيف دنݢارا اين.

الحمدلله، ڤد ١ أكتوبر ٢٠٢١، كراجأن كباوه دولي يڠ مها مليا ڤادوک سري بݢندا سلطان دان يڠ دڤرتوان نݢارا بروني دارالسلام تله ممڤركنلكن باݢي ڤڠواتكواسأن ڤرينته اورڠ كورڠ أوڤاي ٢٠٢١ دان ڤرينته أكتا ڤينجين عمور توا دان كورڠ أوڤاي (ڤيندأن) ٢٠٢١. ڤرونتوكن أوندڠ٢ اين مروڤاكن ساتو تندا أرس ڤنتيڠ باݢي ݢولوڠن ورݢا أمس دان اورڠ كلأينن أوڤاي (**OKU**) دنݢارا بروني دارالسلام دمان كسجهترأن دان ڤرليندوڠن دوا ݢولوڠن اين تله دبري كأوتامأن يڠ تيڠݢي دالم أݢيندا كبڠسأن.

جماعه يڠ درحمتي الله،

تڠݢوڠجواب ترهادڤ ورݢا أمس بوكن هاڽ منجادي تڠݢوڠجواب كراجأن سهاج، اكن تتاڤي اي اداله تڠݢوڠجواب سموا ڤيهق خصوصڽ أنق٢.

ورݢا أمس تيدق سڤاتوتڽ دأڠݢڤ سباݢي ساتو بيبن دان دأبايكن كباجيقنڽ. سسڠݢوهڽ تياد اڤ يڠ لبيه برمعنى انتوق دبريكن كڤد ورݢا أمس دالم منيتي أوسيا مريک سلاين دبريكن ڤرهاتين دان كاسيه سايڠ اوله أنق٢ مريک.

ڤد أوسيا إينله كبياسأنڽ إيبو باڤ يڠ منجاڤي عمور لنجوت ممرلوكن ڤرهاتين دان كاسيه سايڠ درڤد أنق٢ڽ. سباݢي سئورڠ أنق، ادكالاڽ برماجم-ماجم ڤرينه يڠ كيت هادڤي دالم منجاݢ اورڠ توا. اد سكليلنتير اورڠ توا يڠ سيكڤڽ سماكين ڤماره، چريويت، سماكين سينسيتيف اتو موده ترسيڠݢوڠ ڤراسأن دان سأومڤماڽ.

دالم مڠهادڤي سيتواسي دمكين، سباݢي سئورڠ أنق، كيت هندقله برصبر ملاياني ڤرينه مريک، جاڠن سكالي-كالي ممارهي، مڠهرديق، مڠݢرتق دان مموكول اورڠ توا كران ڤربواتن سدمكين اكن مڠݢوريس دان مياكيتي هاتي مريک.

إيڠتله، بهوا جاس دان ڤڠوربانن مريک دالم منجاݢ دان ممبسركن كيت، تيدق اكن داڤة كيت بالس والو دڠن باوا، هرتا دان واڠ ريڠݢيت. الله سُبۡحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة البقرة آية ٨٣:

تفسيرڽ:

**دان (إيڠتله واهي نبي محمد)، كتيک كامي مڠمبيل جنجي ستيا دڠن بني إسرائل (دڠن برفرمان): "جاڠنله كامو ميمبه ملاينكن الله، دان بربوات بايكله كڤد إيبو باڤ.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

هاري أنتارابڠسا ورݢا أمس دسمبوت ڤد ١ أوكتوبر ستيڤ تاهون دسلوروه دنيا، دان نݢارا بروني دارالسلام جوک تيدق تركچوالي دالم مراعيكن هاري يڠ ڤنوه برمعنى اين. تيما باݢي سمبوتن هاري أنتارابڠسا ورݢا أمس ڤد تاهون اين اياله **"داي تاهن دان سومبڠن ݢولوڠن ورݢا أمس وانيتا"**.

سمبوتن هاري أنتارابڠسا ورݢا أمس دراعيكن سباݢي تندا ڤڠهرݢأن دأتس إينسياتيف٢ دان ڤنچاڤين ورݢا أمس دالم ڤركمبڠن، ڤڠليبتن دان سومبڠن مريک دالم ڤمباڠونن مشاركة دان نݢارا.

سلاين ايت، سمبوتن اين داداكن سباݢي أوسها انتوق منيڠكتكن كسدران مشاركة ترهادڤ چابرن٢ دالم كهيدوڤن يڠ دهادڤي اوله ورݢا أمس دسمڤيڠ ممڤرإيڠتكن كيت بهوا مريک جوک اداله إيليمن ڤنتيڠ دالم إينستيتوسي كلوارݢ، ڤركمبڠن مشاركة دان ڤمباڠونن نݢارا. ميداري حقيقة اين، ككڤرلوان أكتيبيتي اتو ڤروݢريم سچارا برسام دان خدمة كمشاركتن أنتارا ورݢا أمس دان بليا اداله أنتارا أوسها يڠ ڤاتوت دكمبڠكن. اين باݢي ممڤستيكن ورݢا أمس اكن تروس أكتيڤ سرت داڤة تروس ميومبڠ كڤد مشاركة دان نݢارا سچارا إينكلوسيف ( **INKLUSIF** ). إيڠتله، كسجهترأن سوشيال دان ڤمباڠونن يڠ دنعماتي هاري اين اداله حاصل أوسها ݢيݢيه جنراسي تردهولو.

أخيرڽ، ماريله كيت سام٢ مڠحرمتي، مپايڠي دان منجاݢ كباجيقن كدوا إيبوباڤ سرت ورݢا أمس دان جاڠنله كيت أبايكن دان سيا-سياكن هيدوڤ مريک، بريكنله كاسيه سايڠ يڠ سڤنوهڽ دان ڤستيكنله كهيدوڤن مريک سمڤورنا، ترجامين دان سجهترا. سام-ساملە بردعاء، سموک كيت دان ذُريّة كتورونن كيت اكن سنتياس بربوات عمل صالح دان منداڤة كريضأن دان رحمة الله سُبۡحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ. آمين يا رَبَّ العالمين.

تفسيرڽ:

**"دان كامي ممرينتهكن مأنسي سڤاي بربوات بايک كڤد كدوا إيبو باڤڽ، إيبوڽ تله مڠندوڠڽ دڠن سوسه ڤايه دان ملاهيركنڽ دڠن سوسه ڤايه. سدڠ تيمڤوه مڠاندوڠڽ دان تيمڤوه مڠهنتيكن ڤپوسوان اياله دالم ماس تيک ڤولوه بولن. اڤبيل دي چوكوڤ ديواس دان سمڤي كڤريڠكت عمور أمڤة ڤولوه تاهون، دي بردعاء: "يا توهنكو! كورنياكنله اكو إلهام سڤاي اكو تتڤ برشكور ترهادڤ نعمتمو يڠ أڠكو كورنياكن كڤدكو دان كڤد كدوا إيبو باڤكو، دان سڤاي اكو تتڤ مڠرجاكن عمالن صالح يڠ أڠكو ريضاءي، دان كورنياكنله كبايكن كڤدكو دڠن (مڠورنياكن كبايكن) كڤد ذورية كتورونكو. سسڠݢوهڽ اكو برتوبة كڤد مو، دان سسڠݢوهڽ اكو ترماسوق اورڠ٢ يڠ برسراه ديري (كڤد مو)."**
{سورة الأحقاف آية: ١٥}

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

# DOA SENJATA ORANG BERIMAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 6 November. - Wanita mempunyai peranan yang amat penting dalam membentuk institusi keluarga, lingkungan masyarakat dan umat Islam yang sejahtera.

Penglibatan wanita dalam dakwah, khususnya mengajak kepada mengerjakan ibadah dan pelbagai perkara yang bermanfaat serta berkebijakan adalah sangat dianjurkan oleh ugama Islam.

Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pada minggu ini dibukakan khas untuk penyertaan wanita dan telah mengundang beberapa tetamu khas dari Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) bersama persatuan-persatuan yang bergabung di dalamnya antaranya ahli Biro Warganita Pertubuhan WARGAMAS; Kumpulan Muslimah Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut; dan Kumpulan Muslimah Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Jangsak.

Malam Munajat pada minggu ini juga melihat penyertaan jemaah muslimah daripada 23 buah masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara, serta warga perempuan KHEU bersama ahli keluarga daripada kediaman masing-masing.

Yang Di-Pertua MWNBD, Datin Hajah Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Awang Mohd Yusof, memulakan acara pada malam berkenaan dari Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang dengan mengepalai bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah.

Bersama beliau ialah para ahli persatuan yang bergabung dalam MWNBD, iaitu Persatuan Pertiwi Negara Brunei Darussalam (NBD); Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) NBD; Badan Kebajikan Isteri-isteri Pegawai, Pegawai-pegawai dan Kakitangan Wanita Kerajaan NBD (BISTARI); Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD); Persatuan Kebajikan Perempuan Kuala Belait; Persatuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB); Persatuan Siswazah Wanita NBD; Badan Kebajikan Isteri-isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI); Persatuan Gabungan Kebajikan Wanita Daerah Tutong (PERGANITA); Badan Kebajikan Wanita Perumahan Negara Lambak Kanan (BAKANITA); dan Persatuan Belia Kampung Lambak (PERBEKAL).

Seterusnya bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri, johan qariah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1443 Hijrah / 2022 Masihi.

Ini diikuti dengan bacaan Doa Munajat oleh Setiausaha Agung Pertubuhan WARGAMAS, Dayang Hajah Sinega binti Haji Swadi dari Ibu Pejabat Pertubuhan WARGAMAS, Berakas.

Majlis diteruskan dengan tazkirah bertajuk 'Berdoalah Kerana Kita Hamba-Nya' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Siti Juhaidah binti Haji Bujang, dari Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut.

Tazkirah beliau antara lain menjelaskan betapa pentingnya berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kerana doa itu adalah senjata bagi orang yang beriman, dan ia menunjukkan suatu tanda keyakinan dan kebergantungan kita hanyalah kepada-Nya.

Beliau juga turut mengingatkan kita untuk istiqamah berdoa kepada Allah walau apa pun keadaan kita, sama ada dalam keadaan yang sentiasa mengingati Allah atau dalam keadaan yang lalai dari mengingati-Nya.

Beliau juga menambah, dalam kita berdoa itu hendaklah kita juga mendoakan kesejahteraan kedua-dua ibu bapa kita atas jasa dan pengorbanan mereka yang begitu banyak dalam membesarkan dan mendidik kita untuk menjadi orang yang berguna.

Acara Malam Munajat diteruskan dengan bacaan Selawat Ibrahimiyyah dipimpin oleh Ketua Muslimah Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut, Dayang Hajah Norain binti Haji Abd. Ghani, bersama Kumpulan Muslimah Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut.

Seterusnya, Doa Peliharakan Sultan dan NBD dibacakan oleh Guru Pembimbing Muslimah Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Jangsak, Dayang Aimi Amalina binti Haji Abdullah, dari Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Jangsak.

Malam Munajat mengajak orang ramai melipatgandakan amalan seharian dengan membaca ayat-ayat suci Al-Quran, berdoa, berzikir dan beristighfar, semata-mata untuk memohon keampunan, perlindungan, rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, berdoa agar rakyat dan NBD sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah yang tidak diingini dan berjaya membendung penularan penyakit berbahaya seperti COVID-19.

Orang ramai dipelawa untuk menyertai Malam Munajat dari mana juga mereka berada pada setiap Sabtu (malam Ahad) dengan melayari pautan *http://tiny.cc/munajatkheu* atau melalui Instagram PDI *@pdi_kheu*.



**MALAM Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama yang disertai oleh wanita, termasuk tetamu khas dari Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) bersama persatuan-persatuan yang bergabung di dalamnya.**

## Awang Haji Julkepli, calon tunggal Ketua Kampung Kawasan 4, RPN Rimba



**CALON bagi Ketua Kampung Kawasan 4, RPN Rimba, Mukim Gadong 'A', Awang Haji Julkepli bin Haji Ibrahim semasa hadir pada majlis tersebut.**

Berita dan Foto: Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**RIMBA**, Ahad, 6 November. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 4, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Rimba, Mukim Gadong 'A' diadakan secara *walk-in* (kaunter) pada hari ini bertempat di Sekolah Rendah Rimba I, Brunei III bagi pengundian menggunakan kaedah kertas undi (*ballot papers*).

Manakala pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah bermula pada 4 hingga 6 November 2022 sehingga jam 11.00 pagi pada hari majlis pengundian dan pencalonan.

Calon bagi Ketua Kampung Kawasan 4, RPN Rimba, Mukim Gadong 'A' ialah Awang Haji Julkepli bin Haji Ibrahim, berusia 57 tahun dan telah bermastautin di kampung berkenaan selama 18 tahun.

Beliau memperoleh kelulusan Diploma Kebangsaan dalam Kejuruteraan Automotif dari Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal pada Tahun 1999.

Sebelumnya, beliau bersara dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan pangkat Kapten dan pada ketika ini memangku jawatan Ketua Kampung Kawasan 4, RPN Rimba, Mukim Gadong 'A'.

Awang Haji Julkepli dicadangkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani serta disokong oleh Awang Haji Halim@Haji Zaini bin Haji Abdullah selaku penyokong pertama dan Awang Ali Hassan bin Mohd. Said selaku penyokong kedua.

Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad semasa menyampaikan ucapannya pada majlis berkenaan menjelaskan seorang ketua kampung berkenaan hendaklah mempunyai perwatakan dan kewibawaan yang tinggi selaku pemimpin masyarakat kampung serta mempunyai beberapa ciri khusus seperti amanah, adil, berakhlak, bersikap sabar dan pemaaf, berilmu, bersikap As-Siddiq (benar), mempunyai kemampuan dan kekuatan (kesihatan) untuk memimpin dan mencapai hasrat serta wawasan ke arah membangunkan dan memajukan kampung.

"Perlu diingat Ketua Kampung mempunyai tanggungjawab yang besar dan memegang amanah bukan sahaja amanah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahkan juga amanah para penduduk kampung yang akan ditadbir nanti," tambahnya.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung berkenaan akan dihadapkan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) bagi proses selanjutnya.

# Pengundian, pemilihan calon Penghulu Mukim Kiudang



**SEKITAR Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Kiudang yang diadakan di Dewan Sekolah Rendah Birau.**

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Ahad, 6 November. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Kiudang telah diadakan pada hari ini bertempat di Dewan Sekolah Rendah Birau, dengan menggunakan kaedah kertas undi.

Manakala pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah bermula pada Jumaat, 4 November 2022 lalu.

Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan bahawa ramai dalam kalangan penduduk di daerah ini mempunyai potensi dan kemampuan yang tinggi untuk menjadi pemimpin pada peringkat akar umbi.

Beliau berharap agar mereka yang dapat memenuhi syarat-syarat pengisian jawatan-jawatan penghulu dan ketua kampung untuk tampil ke hadapan bagi sama-sama memajukan kampung, mukim, daerah dan negara yang dicintai ini atau tampil menjadi Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim atau Majlis Perundingan Kampung.

"Semailah nilai-nilai rasa kekitaan yang tinggi di sekeliling kita agar usaha-usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini antaranya melalui pengukuhan tadbir urus kepimpinan akar umbi," ujarnya lagi.

Dalam pada itu, calon tunggal yang layak bagi mengisikan jawatan Penghulu Mukim Kiudang ialah Awang Muhammad Amir bin Haji Umar Ali berusia 53 tahun.

Seramai 315 penduduk Mukim Kiudang yang berdaftar dan layak mengundi telah mengundi calon untuk mengisikan kekosongan Penghulu Mukim Kiudang.

Pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Kiudang telah menyaksikan sebanyak 141 undi telah bersetuju, manakala 164 undi tidak bersetuju dan 10 lagi dikategorikan sebagai undi rosak.

Turut hadir ialah Pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Pemangku Pemangku Ketua Kampung di bawah Mukim Kiudang beserta penduduk kampung.

Keputusan Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Kiudang akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, KHEDN bagi proses selanjutnya.

# 20 PELAJAR DARJAH VI DIRAIKAN



**SERAMAI 20 pelajar terdiri daripada tujuh lelaki dan 13 perempuan diraikan atas kejayaan menamatkan sesi pembelajaran mereka di Sekolah Ugama Antarabangsa Brunei (ISB).**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Ihsan Sekolah Ugama Antarabangsa Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 6 November. - Sekolah Ugama Antarabangsa Brunei (ISB) mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Sekolah Rendah Ugama Darjah VI bagi Tahun 2021 bertempat di Dewan Theatre sekolah berkenaan, baru-baru ini.

Majlis tersebut merupakan sebagai penghargaan kepada seramai 20 pelajar terdiri daripada tujuh lelaki dan 13 perempuan atas kejayaan menamatkan sesi pembelajaran mereka di sekolah itu.

Pelajar yang menerima sijil itu antaranya Pengiran Syaheerah 'Ethrul Bulqiah binti Pengiran Haji Mohammad Ezul Hazrin yang merupakan anakanda kepada Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hajah Siti Radhiah binti Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohammad Yusuf.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Guru Besar sekolah, Dayang Hajah Intan Khairani binti Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Yahya.

Pihak sekolah setentunya melahirkan penghargaan maju jaya kepada para pelajar dan berharap mereka akan terus menjadi insan cemerlang dalam membentuk insan yang berpendidikan tinggi pada masa hadapan nanti.

# Penggunaan media sosial perlulah berlandaskan *mindset* akhirat



**DA'IE Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi menyampaikan ceramah pada program berkenaan.**

**Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin**

**BERAKAS**, Ahad, 6 November. - Badan Sukarelawan Belia Da'ie di bawah naungan Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) hari ini menganjurkan Program 'Ilm Series: Call of Da'wah bertempat di Bangunan Darul Huda, PDI.

Seramai 60 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan PDI, Ahli Jawatankuasa (AJK) Belia Da'ie, para penuntut institusi pengajian tinggi serta orang awam menyertai program berkenaan.

Program berkenaan bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada umat Islam akan pentingnya dan mudahnya menyebarkan serta mengajak kepada kebaikan melalui media sosial di samping melazimkan adab dalam mengesahkan kebenaran dan kesahihan maklumat yang diterima melalui media sosial sebelum menyebarkannya kepada pihak lain.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberi kefahaman mengenai dakwah yang merupakan tanggungjawab semua dan bukanlah hanya untuk mereka yang mempunyai latar belakang ugama sahaja.

Antara pengisian program berkenaan ialah ceramah bertajuk 'Media Sosial : Medium Pahala atau Dosa' yang disampaikan oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Beliau dalam ceramahnya antara lain menjelaskan, Islam membawa membebaskan umat manusia daripada berpegang pada makhluk kepada Maha Pencipta.

Penggunaan media sosial katanya lagi perlulah berlandaskan kepada *mindset* akhirat, lebih-lebih lagi tujuan hidup kita sebagai manusia di bumi ini adalah untuk beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan apa sahaja amalan atau kerja yang kita lakukan ialah bagi meraih keredaan Allah.

Program diteruskan lagi dengan sesi kongsi sama pengalaman sebagai Content Creator yang disampaikan oleh Pengarah Matters of Choice, Muhammad Adam bin Abdullah Chong@Choi Kai Lung.

Para peserta program juga berpeluang untuk mengetahui pelbagai cara meningkatkan kreativiti *content* media sosial bagi menguatkan impak atau kesan moral dalam mesej yang hendak disampaikan, dan menjadikan ia lebih bermanfaat untuk masyarakat, khususnya umat Islam.

Program seumpama berkenaan dihasratkan dapat membantu AJK Belia Da'ie khasnya dan orang ramai amnya untuk mengimbangi antara kepentingan dunia dan juga akhirat melalui penerapan etika Islam dalam usaha yang inovatif, agar pelbagai usaha dakwah terus dikembangkan.

Selain itu, program berkenaan juga diharapkan dapat menjadi wadah untuk setiap umat Islam untuk lebih mencintai dan mendekatkan diri kepada Al-Quran dan As-Sunnah.





**SEBAHAGIAN yang hadir pada Program 'Ilm Series: Call of Da'wah (kiri dan kanan).**




# Sembahyang Sunat Gerhana Bulan, 8 November ini

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 6 November. - Sukacita merujuk pemakluman Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan bahawa fenomena gerhana bulan penuh insyaAllah akan berlaku di Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 14 Rabiulakhir 1444 Hijrah bersamaan 8 November 2022 Masihi, bermula jam 6.16 petang hingga 8.49 malam.

Umat Islam adalah disunatkan untuk menunaikan Sembahyang Sunat Gerhana Bulan jika sabit berlakunya gerhana.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid akan mengadakan Sembahyang Sunat Gerhana Bulan pada hari berkenaan, selepas menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara, dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Oleh yang demikian, orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir ke masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara bagi sama-sama menunaikan Sembahyang Sunat Gerhana Bulan pada hari dan masa yang telah dinyatakan dengan mengikut garis panduan dan tatacara yang telah ditetapkan ketika berada di masjid, surau dan balai ibadat serta mematuhi pelbagai nasihat dari Kementerian Kesihatan.

Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

**NOTIS JUALAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM**

**Peti Tawaran Sebut Harga**
**Unit Kemudahan Penyimpanan Dan Penghapusan**
**Bahagian Pengurusan Aset Dan Kemudahan Penyimpanan**
**Jabatan Perkhidmatan Elektrik**
**Negara Brunei Darussalam**

| TAWARAN DIIKLANKAN | | TARIKH MELIHAT BARANG |
|---|---|---|
| TARIKH DIBUKA | TARIKH DITUTUP | |
| 31 Oktober 2022 (Isnin) | 30 November 2022 (Rabu) Jam : 9.00 pagi | 17 November 2022 & 24 November 2022 Jam : 9.00 Pagi – 11.00 Pagi Bertempat : JPE Sub-Stor Pasir Putih, Tanjung Maya, Daerah Tutong. |

| BIL. | KETERANGAN | JUMLAH | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 1 | Scrap Metal | 1 Lot | JPE Sub-Stor Pasir Putih, Tanjung Maya, Daerah Tutong. |

**SYARAT-SYARAT TAWARAN :-**

1. Tawaran dibukakan kepada **syarikat swasta dan orang awam.**
2. **Peralatan** yang ditawarkan adalah berasaskan sebagaimana keadaan semasa ditawarkan.
3. Caj borang tawaran bagi **1 Lot Scrap Metal** akan dikenakan dengan harga **BND10.00 (tidak dikembalikan).**
4. Penender yang berminat untuk mengikuti tawaran ini bolehlah membuat pembayaran terlebih dahulu di Kaunter Pembayaran di Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan borang boleh diambil di **Unit Lukisan, Bahagian Pengurusan Aset dan Kemudahan Penyimpanan, Tingkat 1, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas.**
5. Borang tawaran yang lengkap hendaklah dihantar ke Bahagian Pengurusan Aset dan Kemudahan Penyimpanan, **Tingkat 1, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas** dalam sampul surat yang tertutup dengan membubuh tajuk **Sebut Harga Secara Tawaran Tertutup Bagi 1 Lot Scrap Metal Bil. Rujukan: JPE / AST / HPS / 2020 / 30** dan memasukkan ke dalam peti tawaran yang telah disediakan.
6. Tarikh tutup tawaran adalah pada **(Rabu, 30 November 2022, Jam 9.00 Pagi)** dan tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan.
7. Penender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran dengan **wang tunai sahaja (tidak dikembalikan)** dalam tempoh masa **3 (tiga)** hari waktu bekerja selepas dimaklumkan / pemberitahuan dan jika gagal menjelaskannya maka tawaran ini dengan sendirinya dibatalkan. Jabatan ini tidak menerima pembayaran secara cek ataupun kad kredit.
8. Penender yang berjaya hendaklah **memindahkan** peralatan tersebut tidak lewat **28 (dua puluh lapan)** hari waktu bekerja selepas membuat pembayaran dan pihak Jabatan tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kerosakan / kehilangan dalam tempoh tersebut. Jika Penender yang berjaya **gagal memindahkan** peralatan tersebut dalam tempoh **28 (dua puluh lapan)** hari waktu bekerja selepas membuat pembayaran, barang berkenaan akan menjadi **milik** Jabatan dan Jabatan berhak untuk melelong semula barang berkenaan.
9. **Hanya penender yang berjaya sahaja akan dimaklumkan / pemberitahuan.**
10. Penender yang berminat untuk mengikuti tawaran ini adalah disarankan untuk membuat lawatan bagi pemeriksaan dan penelitian keadaan kabel yang ditawarkan. Pihak Penender bolehlah menghubungi jabatan melalui telefon +673 **2387000 no. ext. 3471**. Jadual lawatan kerja akan dilaksanakan pada :- **17 November 2022 dan 24 November 2022 Jam 9.00 Pagi hingga 11.00 Pagi** bertempat **JPE Sub-Stor Pasir Putih, Tanjung Maya, Daerah Tutong.**

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran :**
**MINDEF / DFA / FY2022 / MAB / TA / 12**
**MAINTENANCE OF FIBER OPTIC INFRASTRUCTURE TUTONG CAMP - LUMUT CAMP, MINISTRY OF DEFENCE, BRUNEI DARUSSALAM**

**Yuran Tawaran :**
**BND30.00**
**(Tidak dikembalikan)**

**Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 22 November 2022.**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Selasa, 29 November 2022, Jam 2.00 Petang**

---

**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
**001 / HQ / 2022-T (LELONG)**

**Keterangan Harta Benda :**
**Kia Pregio 2.7 (M/T)**

**Jumlah :**
**1**

**Harga Indikasi :**
**BND1,500.00**

**Caj Borang :**
**BND2.00**

**Tarikh Tutup :**
**Isnin,**
**21 November 2022**
**Jam 10.00 Pagi**

---

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Quotation No :**
**22 / JMM / S / 12 / 91**
**(2022 / 2023) - R**

**Quotation for :**
**Rental And Operating Of Cafeteria For Duration Of Three (3) Years At Bangunan Lama Kastam Dan Eksais Diraja, Bandar Seri Begawan**

**Not later than 2.00 PM**
**on 22 November 2022**
**(Tuesday)**

---

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**NOTIS SEBUT HARGA**

**Bilangan Sebut Harga :**
**KPN / IT / 002 / 02.7 / 2022 / Q26**

**Tajuk Sebut Harga :**
**INVITATION TO SUPPLY BARRACUDA BACKUP SERVER LICENSE RENEWAL FOR 1 YEAR**
**(17/03/2023 - 16/03/2023)**

**Bilangan Sebut Harga :**
**KPN / IT / 002 / 02.7 / 2022 / Q27**

**Tajuk Sebut Harga :**
**INVITATION TO SUPPLY FLOWAVE MOD PORTAL LICENSE RENEWAL FOR 1 YEAR (01/03/2023 - 28/02/2024)**

**Bayaran Sebut Harga :**
**BND10.00**
**(Tidak dikembalikan)**

**Tarikh Buka :**
**Isnin,**
**7 November 2022**

**Tarikh Akhir Pembelian Dan Pembayaran :**
**Khamis,**
**17 November 2022**

**Tarikh Tutup :**
**Isnin, 21 November 2022,**
**Sebelum 9.00 Pagi**

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**PENDAFTARAN BAKAL-BAKAL REKRUT LELAKI PENGAMBILAN KE-171 ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI**

PENDAFTARAN sekarang dibukakan untuk menceburi kerjaya tentera sebagai bakal Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-171 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengikut syarat-syarat kemasukan yang telah ditetapkan.

Pendaftaran dibukakan secara pandu lalu (*drive-thru*) mengikut tarikh dan masa seperti berikut :

**Tatacara :**
Pandu lalu (*drive-thru*)

**Tarikh dan Masa dibukakan adalah seperti berikut :**
7 November 2022 hingga
17 November 2022
Isnin hingga Khamis sahaja
Jumaat dan Kelepasan Awam ditutup

8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.30 Petang hingga 4.00 Petang

Sila layari laman sesawang ***http://www.mindef.gov.bn*** (Career - Military Recruitment (male)) bagi tempat / lokasi pendaftaran pandu lalu

Pemohon-pemohon mestilah berumur 18 tahun dan tidak melebihi 25 tahun (0 bulan 0 hari) sebelum latihan bermula pada 8 Mei 2023.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi : Pejabat Pengambilan Jabatanarah Keanggotaan Bolkiah Garison

Telefon : +673 2386898

atau layari laman sesawang ***http://www.mindef.gov.bn*** (Career - Military Recruitment (male)) e-mel : ***RO.recruit@mindef.gov.bn***

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**TAWARAN PERKHIDMATAN BAGI SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA, JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA BAGI TEMPOH TIGA (03) TAHUN**

**DAERAH BRUNEI DAN MUARA**
**1) No. Tawaran :**
**KHEU / JPI / KANTIN / 15 / 06**

**Nama Sekolah Ugama :**
**SEKOLAH UGAMA MADANG, KAWASAN BRUNEI II A**

**DAERAH TUTONG**
**1) No. Tawaran :**
**KHEU / JPI / KANTIN / 35 / 06**

**Nama Sekolah Ugama :**
**SEKOLAH UGAMA TUMPUAN TELISAI, KG TELISAI, TUTONG II**

**BAYARAN : BND5.00**

**Tarikh Tutup :**
**Rabu, 28 Rabiulakhir 1444H / 23 November 2022M**
**Sebelum jam 2.00 Petang**

**JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0027 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
'To Supply, Delivery and Install Single Side Fifteen (15) Sign Boards For Fish Farming Sites At Kg Kuala Danau, Pusat Perikanan Serasa, Kampung Patir / Biang, Kg Keramut, Kg Mumong, Kg Sungai Dua, Tanjong Pelumpong (3) Tapak Tangki) Dan Jeti Meragang (Tanda Amaran)'

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0028 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
'Supply And Delivery Of PCR Reagents For Detection And Quantification Of Shrimp Viruses'

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0029 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
'Supply, Delivery, Testing And Commissioning Of Handheld Multiparameter Water Quality Meter For Aquatic Animal Health And Laboratory Service Centre, Department Of Fisheries'

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0030 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
'To Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Fluorescence Microscope, Complete With Accessories For Aquatic Animal Health And Laboratory Service Centre, Department Of Fisheries'

Tarikh Tutup :
Khamis, 24 November 2022
jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN SUMBER - SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

KETERANGAN SEBUT HARGA

1.Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / SH / 11 / 2022-2023
Tajuk Sebut Harga :
TERM CONTRACT 24 MONTHS FOR JANITORIAL SERVICES AT MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM BUILDING.

Tarikh Taklimat :
14 NOVEMBER 2022, ISNIN
JAM 9.00 PAGI

2.Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / SH / 12 / 2022-2023
Tajuk Sebut Harga :
MEMBAIK PULIH KENDERAAN JENIS PICKUP BERDAFTAR DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN.

3.Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / SH / 13 / 2021-2023
Tajuk Sebut Harga :
REPLACEMENT OF PROJECTOR LAMP MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM.

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 17 November 2022
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

---

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL DAN MEMASANG SERTA MENGUJI LAMPU KESELAMATAN DI KAWASAN SEKOLAH

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 218 / 2022 / 2023
[HRMR-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MEMASANG TABIR JENIS "VERTICAL BLIND, DIMOUT" BAGI : BLOK C7, C8 DAN C9 UNIT REPOSITORI DATA MAKLUMAT DAN UNIT PERJAWATAN, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Waktu :
19 November 2022

---

**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 94 / 2022

Tajuk Tawaran :
Membina Baru 98 Meter X 2 Meter Jambatan Tiang, Pak Konkrit Dan Lantai Kayu Dari Jambatan Utama Berdekatan Sekolah Rendah Haji Tarif Menuju Ke Darat, Kampung Tamoi Tengah, Mukim Tamoi, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 95 / 2022

Tajuk Tawaran :
Menaik Taraf 100 Meter X 2 Meter Jambatan Tiang, Pak Konkrit Dan Lantai Kayu Dari Jambatan Utama Hadapan Sekolah Rendah Haji Tarif Hingga Hadapan Rumah No.21c, Kampung Tamoi Tengah, Mukim Tamoi, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup :
Tidak Lewat Selasa, 15 November 2022,
Jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA

Bilangan Sebut Harga :
MOFE / Q / 2022-4

Tajuk Sebut Harga :
Term Contract 36 Months For Rodents, Ants And Cockroaches Control At Ministry Of Finance And Economy Building, Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Sabtu, 19 November 2022.

---

**JABATAN KAJICUACA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

BDMD Brunei Darussalam Meteorological Department

Bilangan Tawaran :
JKBD / 2022 / SH-08

'THE REFURBISHMENT OF HYDROGEN SHED BUILDING AT METEOROLOGICAL STATION, BRUNEI DARUSSALAM METEOROLOGICAL DEPARTMENT'

Tarikh Tutup :
Rabu 23 November 2022

---

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran :
JKP / SH / 2022 - 2023 / 09

Tajuk Tawaran :
TO PROVIDE FAMILIARISATION TRIP SERVICES FOR UNITED KINGDOM AGENTS, 25-29 NOVEMBER 2022

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis, 10 November 2022,
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

PEMBATALAN TAWARAN BAGI MENJALANKAN PERUSAHAAN TERNAKAN UDANG DI TAPAK INDUSTRI TERNAKAN UDANG DI LOT 10029, KAMPUNG KERAMUT, DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh Tutup :
1 Disember 2022
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM

Kelas : II & III

Kategori :
KA01 - KOD BAHARU

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 24 / BKTKS / 2022-T / II

Nama Projek :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN BAGI TANAH SUSUR DAN BESI PAGAR KOMPLEKS RUMAH KEBAJIKAN BELIMBING, KG SUBOK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa, 15 November 2022

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 29 November 2022,
Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Pemberitahuan
Iklan Tawaran

Bilangan Tawaran :
(103) JBS / ADM / QC / 2022

Tajuk Tawaran :
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR CAT PADANG BAGI PENAMBAHAN STOK DI PUSAT STOR, JABATAN BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran :
(104) JBS / ADM / QC / 2022

Tajuk Tawaran :
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR HP TONER LASERJET P2055dn - CE505A (05A)

Bilangan Tawaran :
(105) JBS / ADM / QC / 2022

Tajuk Tawaran :
GENERAL BUILDING TERM MAINTENANCE FOR A PERIOD OF TWENTY FOUR (24) MONTHS FOR :
1) MUMONG SPORTS COMPLEX & SWIMMING POOL
2) ARENA FIELD SERIA
3) YOUTH AND SPORTS OFFICE
4) YOUTH CENTRE & MULTI PURPOSE HALL (DEWAN SERBAGUNA BEKAS GUDANG BERAS)
5) BANGUNAN PERSATUAN-PERSATUAN BELIA KUALA BELAIT
6) BAREK LORONG 3 SERIA

Bilangan Tawaran :
(106) JBS / ADM / QC / 2022

Tajuk Tawaran :
GENERAL BUILDING TERM MAINTENANCE FOR A PERIOD OF TWENTY FOUR (24) MONTHS FOR STADIUM NEGARA BRUNEI HASSANAL BOLKIAH

Bilangan Tawaran :
(107) JBS / ADM / QC / 2022

Tajuk Tawaran :
KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH SISTEM PENGAIRAN (WATER SPRINKLER) DI STADIUM HOKI KOMPLEKS SUKAN NEGARA HASSANAL BOLKIAH

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis, 24 November 2022
Jam 2.00 Petang

**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**

IKLAN JAWATAN KOSONG

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (A) DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI YANG BERKELAYAKAN TERMASUK PEGAWAI- PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN.

Jawatan :
PEGAWAI KESEJAHTERAAN

Bahagian : III

Tangga Gaji :
G6 (BND1,515.00 - BND2,370.00)

Kekosongan :1 Kekosongan

Tarikh Tutup Permohonan :
16 November 2022

**JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JPt / TAW / 01(A) / 2022 - 2023 :
MEMBEKAL BAJA SEBATIAN NPK 15:15:15 SEBANYAK 4,000 BEG (50KG / BEG) BAGI BANTUAN INSENTIF JABATAN.
(Yuran Tawaran : BND50.00)

JPt / TAW / 14 / 2022 - 2023 :
SUPPLY, DELIVER, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF ONE (1) SET COMPLETE PACKAGE OF BIOLOG MICROSTATION SYSTEM AND ACCESSORIES.
(Yuran Tawaran : BND30.00)

Tarikh Tutup :
Selasa,
22 November 2022 Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

KENYATAAN BAGI MENDAPATKAN TAWARAN SEBUT HARGA

Bilangan Rujukan :
JBBSB / SH / 2022-2023 / 31 / UP

Tajuk Sebut Harga :
GENERAL REPAIR WORKS AT UNIT NO.1 BLOCK H11 MUNICIPAL DEPARTMENT HOUSING KG. SINARUBAI BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Hari, Tarikh dan Jam Tutup :
Khamis, 10 November 2022
Jam 2.00 Petang

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat penerbitan (*production house*) tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam untuk mengemukakan tawaran bagi tujuh (7) kerja berikut :

1. Tender No. :
RTB / 10 / 2022
PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI, DAERAH BELAIT BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

2. Tender No. :
RTB / 11 / 2022
PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN DOKUMENTARI, BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

3. Tender No. :
RTB / 12 / 2022
PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN HAL EHWAL SEMASA, BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

4. Tender No. :
RTB / 13 / 2022
PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN MAJALAH, BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

5. Tender No. :
RTB / 14 / 2022
PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN SUKAN, BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

6. Tender No. :
RTB / 15 / 2022
PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI, DAERAH TEMBURONG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

7. Tender No. :
RTB / 16 / 2022
PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI, DAERAH TUTONG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

Bayaran Tawaran :
BND35.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Tarikh Tutup :
Selasa,
22 November 2022,
jam 2.00 Petang

**PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**

Bilangan Tawaran :
HMSF / TDR / 06 / 2022

Tajuk Projek :
FOR SERVICE LEVEL MAINTENANCE CONTRACT AND RELATED WORKS (PACKAGE B) FOR HIS MAJESTY THE SULTAN'S FLIGHT HANGAR 1 & HANGAR 2 MECHANICAL & ELECTRICAL SYSTEM

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat
Selasa,
20 Disember 2022
Jam 2.00 Petang

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

NOTIS SEBUT HARGA

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 132 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
INSTALLATION OF NEW STAINLESS-STEEL GUTTER AND WALL FLASHING TO EXISTING ROOFING AT MAIN BUILDING, RADIO TELEVISION BRUNEI BROADCASTING COMPLEX, SUNGAI AKAR

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 133 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
INSTALLATION OF NEW PEDESTRIAN WALKWAY ROOFING SYSTEM AROUND FRONT, SIDES AND BACK OF MAIN BUILDING, RADIO TELEVISION BRUNEI BROADCASTING COMPLEX, SUNGAI AKAR

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 134 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
RENOVATION WORKS AT RADIO TELEVISION BRUNEI TUTONG BARRACKS NO.7, NO. 90, NO. 11B AND NO. 12 AT JALAN PENGIRAN OTHMAN AND NO. 13 AT JALAN ABDUL GHANI

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (*Hardcopy*) :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
9 November 2022,
jam 2.00 Petang

# IMBASAN MINGGUAN

SERAMAI 1,010 peserta yang terdiri daripada Ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS Brunei dan warga emas di seluruh negara menyertai Majlis Khatam Al-Quran 76 Kali anjuran Pertubuhan WARGAMAS berlangsung di Masjid Perpindahan Lambak Kanan. Ia merupakan pesambah istimewa ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-76, Tahun 2022. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



SEBANYAK 129 pain darah hasil daripada seramai 167 penderma berjaya dikumpulkan oleh Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal sempena Kempen Derma Darah anjuran bersama Kementerian Kesihatan, Sim Kim Huat, Trillion dan Borneo Kopitiam. - Foto : Hamzah Mohidin.



SEBAHAGIAN daripada pelajar Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan yang terlibat dalam persembahan bersempena dengan Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Penubuhan Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.





PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang terdiri daripada 29 Jemaah Muslimah Masjid-Masjid Daerah Brunei dan Muara semasa membuat lawatan. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.



SEBAHAGIAN daripada aksi Perlawanan Akhir Kejohanan Futsal sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-29, Tahun 2022, yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

# TINGKAT PENGETAHUAN, KESEDARAN HAK PERLINDUNGAN WARGA EMAS



**PEMANGKU Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Mirany Floridzah binti Abdul Rahman meninjau Klinik Undang-undang Syariah (kiri). Manakala gambar kanan, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.**



**Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**TUTONG**, Sabtu, 5 November. - Dalam mendukung usaha kerajaan untuk memantapkan sistem perlindungan terhadap warga emas di Negara Brunei Darussalam melalui perundangan syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menerusi Unit Perundangan Islam (UPI) telah menganjurkan projek berbentuk Klinik Undang-undang Syariah bertemakan 'Ri'ayah Warga Emas'.

Klinik Undang-undang Syariah yang dikendalikan oleh tenaga penasihat daripada pelbagai agensi berkaitan dalam pelbagai isu kekeluargaan, pengurusan harta dan jenayah syariah, telah diadakan di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Tutong bagi ahli-ahlinya.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pelancaran Klinik Undang-undang Syariah berkenaan, Pengarah UPI, Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Klinik Undang-undang Syariah; dan Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Mirany Floridzah binti Abdul Rahman.

Dalam ucapan alu-aluannya, Haji Hardifadhillah menyatakan antara objektif yang disasarkan dalam 'Ri'ayah Warga Emas' ialah untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran warga emas mengenai hak perlindungan golongan berkenaan di bawah undang-undang syariah khususnya berkaitan keluarga, jenayah dan pengurusan harta.

Selain itu tambahnya, untuk mengumpul data menggunakan metodologi pemerhatian bagi mengenal pasti masalah atau isu yang dihadapi warga emas yang melibatkan undang-undang dan hasil dapatan berkenaan digunakan untuk meminda atau mengadakan dasar atau undang-undang syariah yang baharu bagi memastikan warga emas mendapat hak perlindungan mengikut keperluan.

"Diharapkan projek ini akan dapat menyuntik kesedaran serta kefahaman warga emas akan hak dan tanggungjawab masing-masing di sisi undang-undang.

"Semoga komitmen yang diberikan dalam melaksanakan projek ini akan memberikan impak positif dalam usaha pihak kerajaan dalam merealisasikan perlindungan bagi warga emas di negara ini di tahap optimal dan ke arah penuaan yang berjaya," ujarnya.

Klinik Undang-undang Syariah merupakan projek hasil kolaborasi UPI bersama Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), dan PKWE Daerah Tutong, serta pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan, iaitu Mahkamah Syariah; Mahkamah Besar; Pasukan Polis Diraja Brunei; Jabatan Majlis Ugama Islam; Bahagian Pendakwaan Syar'ie; Bahagian Penguatkuasaan Ugama dan Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah.

Majlis pelancaran turut diisikan dengan penyampaian sesi 'Sembang Undang-undang Syariah' yang disampaikan oleh Pengarah UPI dan juga kuiz.

Dengan penglibatan orang ramai khususnya warga emas, projek berkenaan dihasratkan akan dapat memberi perkhidmatan undang-undang yang lebih berkesan melalui pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government, dan ia akan dilaratkan bagi penyertaan PKWE di daerah-daerah lain pada masa akan datang.

- **ANTARA objektif yang disasarkan dalam 'Ri'ayah Warga Emas' ialah untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran warga emas mengenai hak perlindungan golongan berkenaan di bawah undang-undang syariah khususnya berkaitan keluarga, jenayah dan pengurusan harta.**

- **UNTUK mengumpul data menggunakan metodologi pemerhatian bagi mengenal pasti masalah atau isu yang dihadapi warga emas yang melibatkan undang-undang dan hasil dapatan berkenaan digunakan untuk meminda atau mengadakan dasar atau undang-undang syariah yang baharu bagi memastikan warga emas mendapat hak perlindungan mengikut keperluan.**

- **KLINIK Undang-undang Syariah merupakan projek hasil kolaborasi UPI bersama JAPEM dan PKWE Daerah Tutong, serta pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan, iaitu Mahkamah Syariah; Mahkamah Besar; Pasukan Polis Diraja Brunei; Jabatan Majlis Ugama Islam; Bahagian Pendakwaan Syar'ie; Bahagian Penguatkuasaan Ugama dan Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah.**



**KLINIK Undang-undang Syariah dikendalikan oleh tenaga penasihat daripada pelbagai agensi yang berkaitan dalam isu-isu kekeluargaan, pengurusan harta dan jenayah syariah bagi mengumpul data menggunakan metodologi pemerhatian masalah dihadapi warga emas yang melibatkan undang-undang.**

# Lakastah menderma darah

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 November. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan, bahawa Tabung Darah Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, pada masa ini memerlukan darah jenis 'A'.

Oleh itu, bantuan orang ramai adalah sangat diharapkan dalam sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di hospital ini.

Orang ramai yang ingin menderma darah, bolehlah berkunjung terus ke Tabung Darah Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi; dan 1.45 petang hingga 3.30 petang, pada hari-hari bekerja sahaja.

Sehubungan itu, Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah seperti jadual yang tertera di dalam rajah.

Kempen-kempen berikut adalah dibukakan bagi penyertaan orang ramai.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi BloodKad bagi Kempen Derma Darah tersebut adalah sangat digalakkan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Pendermaan Darah menerusi talian +673 2242424 sambungan 5745 atau 6001 atau 6002 atau WhatsApp, +673 8775745 atau +673 7375745 atau e-mel ke *bloodbank@moh.gov.bn* atau ikuti Pusat Pendermaan Darah di Instagram dan Facebook, *@bloodbank.ripas.*

| TARIKH & MASA | TEMPAT |
|---|---|
| Isnin & Selasa, 7-8 November 2022<br>10.00 pagi hingga 3.00 petang | Perpustakaan, IBTE School of Aviation,<br>Jalan Utama Berakas, Berakas |
| Khamis, 10 November 2022<br>9.00 pagi hingga 12.00 tengahari<br>1.00 petang hingga 3.00 petang | Tingkat 1, The Core Residential College,<br>Universiti Brunei Darussalam,<br>Jalan Tungku Link, Gadong |
| Sabtu, 12 November 2022<br>10.00 pagi hingga 3.00 petang | Tingkat 1, Event Stage,<br>Mabohai Shopping Complex |

# Bantu kesan Ika Purwanti

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 November. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam kenyataan yang dikeluarkan hari ini memaklumkan, bahawa satu laporan dibuat di Balai Polis Sengkurong untuk mengesan seorang pekerja dipercayai lari daripada majikan.

Butir-butir keterangan mengenai pekerja yang dimaksudkan adalah seorang pekerja perempuan, warganegara Indonesia, Ika Purwanti, berusia 22 tahun, dengan nombor pasport C8482425.

Sehubungan itu, PPDB memohon kerjasama dan bantuan orang ramai jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Sengkurong menerusi talian +673 2661334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana Balai Polis berdekatan.



**IKA Purwanti, berusia 22 tahun, dengan nombor pasport C8482425 dipercayai lari daripada majikan.**

# Perkukuh kefahaman tafsir Al-Quran, Kitab Turath

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 November. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Fakulti Usuluddin dan Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama memulakan Program Dakwah melalui Tadabbur Al-Quran, Al-Hadith dan Kitab Turath KUPU SB, yang berlangsung secara serentak, hari ini.



Program Tadabbur berkenaan dilaksanakan di tiga buah masjid, iaitu Masjid Kampung Tanjong Maya, Tutong, disampaikan oleh Dekan Fakulti Usuluddin, Dr. Norashibah binti Haji Besar; Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Kampung Katimahar, disampaikan oleh Dayangku Hajah Norafizah binti Pengiran Haji Bungsu dan Dayang Ruziah binti Abdul Karim; serta Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Bolkiah, disampaikan oleh Dr. Norasimah binti Haji Omar dan Dayang Tiara binti Basman, di mana kesemua mereka merupakan para Pensyarah KUPU SB.

Antara matlamat khusus Program Dakwah diadakan ialah agar ia dapat menyebarluaskan dan memberi pendedahan dalam kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam dengan Tadabbur Al-Quran, Al-Hadith serta Pengajian Kitab Turath.

Selain itu, ia bermatlamat bagi memperluaskan sasaran dakwah ke seluruh negara melalui masjid-masjid, selain menyebarluaskan Tadabbur Al-Quran dan Pengajian Kitab Turath dalam kalangan masyarakat awam di Negara Brunei Darussalam, di samping mengimarahkan serta mengukuhkan kefahaman kandungan tafsir Al-Quran dan Kitab-kitab Turath dalam kalangan masyarakat sebagai rujukan amalan kehidupan beragama.



KOLEJ Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Fakulti Usuluddin dan Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa memulakan Program Dakwah melalui Tadabbur Al-Quran, Al-Hadith dan Kitab Turath KUPU SB (atas dan kiri).

Ketua Muslimah Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Kampung Katimahar, Dayang Ratna binti Haji Abdullah melahirkan rasa syukur kerana pihak Muslimah mendapat ilmu yang bermanfaat dan sekiranya di masa akan datang jika ada acara seumpamanya yang baik, sekali gus dapat membimbing para Muslimah, ia adalah sangat dialu-alukan untuk diadakan.

Tambahnya, dengan penyampaian tadi, ia sedikit sebanyak dapat menambah pengetahuan mereka berkenaan Kitab Turath dan mengetahui apa yang terkandung dalam kitab tersebut.

# PRODUK TEMPATAN DIJUAL TANPA LABEL HALAL SAH

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 6 November. - Pegawai-pegawai Penguatkuasaan Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH), di bawah Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah menjalankan operasi pada 3 November 2022 di salah sebuah pasar raya di negara ini, berkaitan penggunaan Label Halal Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) tanpa kebenaran bagi beberapa jenis produk tempatan.

Kes penyalahgunaan label halal ini membabitkan pelbagai jenis produk Dapur Nenek Mama yang didapati dijual dalam ruangan sejuk (*chiller*) di pasar raya tersebut.

Produk-produk tersebut adalah Sambal Katok 280g (13 botol); Sambal Penyet 350g (13 botol); Sambal Ijo 350g (14 botol); Peri-Peri Sauce 350g (5 botol) dan Lemon Coriander Sauce 330g (13 botol).

Selain itu, Honey BBQ Sauce 330g (8 botol); Ayam Rempah 1kg (10 paket); Roasted Whole Chicken 1.3kg (10 paket); Roasted Wings 500g (10 paket); Honey BBQ Chicken Wings 500g (10 paket) dan Chicken Wings Rempah 500g (10 paket).

Kesemua produk tersebut mempunyai Label Halal MUIB yang tidak sah dan telah dirampas untuk siasatan lanjut.

Sehubungan itu, KHEU ingin memperingatkan syarikat-syarikat dan pengusaha-pengusaha di negara ini untuk tidak menggunakan Label Halal MUIB tanpa kebenaran bagi produk-produk mereka, kerana ia adalah suatu kesalahan di bawah Bab 12(3)(a) Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005.

Kesalahan ini boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi BND8,000 atau penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya sekali.

BKMH, JHES bersama agensi-agensi penguatkuasaan lain akan sentiasa meningkatkan rondaan dan operasi bagi memastikan undang-undang dan peraturan-peraturan di negara ini sentiasa dipatuhi.

Di samping itu, KHEU mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas maklumat berhubung perkara tersebut.

Orang ramai yang ingin membuat aduan dan perkongsian maklumat mengenai sebarang pelanggaran undang-undang melibatkan makanan atau produk halal bolehlah menghubungi BKMH, JHES di Talian Hotline +673 7166222 atau mana-mana pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di setiap daerah.




PEGAWAI-pegawai Penguatkuasaan Bahagian Kawalan Makanan Halal, di bawah Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) semasa menjalankan operasi di salah sebuah pasar raya di negara ini, berkaitan penggunaan Label Halal Majlis Ugama Islam Brunei tanpa kebenaran bagi beberapa jenis produk tempatan.



## Belia Berwawasan



# Qariah muda inspirasi masyarakat

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Jabatan Penerangan, ihsan Dayangku Fauziah Nadhirah Pengiran Haji Jofri**

USAHA memperkasakan golongan belia dengan keutuhan takwa, kemantapan ilmu pengetahuan dan kesantunan akhlak seharusnya dijadikan agenda semua pihak. Belia adalah salah satu aset paling berharga yang akan memajukan negara pada masa hadapan. Adalah sangat penting juga bagi seorang belia itu memantapkan diri mereka dengan ilmu-ilmu agama kerana ilmu agama inilah yang akan membimbing mereka di akhirat kelak. Dengan mengamalkan bacaan Ayat-ayat suci Al-Quran adalah salah satu cara kita mengejar ilmu-ilmu akhirat. Belia Berwawasan kali ini mendekati seorang qariah yang telah berjaya meraih kejohanan qariah pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1443 Hijrah bersamaan dengan 2022 Masihi. Belia yang dimaksudkan ialah Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri, seorang qariah muda yang berusia 29 tahun.

Beliau mempunyai minat membaca Al-Quran sejak kecil lagi dan telah dipupuk oleh ibu bapa beliau sejak kecil lagi dengan menggalakkan mereka adik-beradik untuk mengikuti Musabaqah Tilawah Al-Quran dari peringkat sekolah ugama hingga ke peringkat lebih tinggi.

### Penglibatan

Dayangku Fauziah Nadhirah mula menyertai Pertandingan Membaca Al-Quran sejak beliau berumur 8 tahun. Beliau terpilih untuk mewakili sekolah beliau iaitu Sekolah Ugama Katimahar dalam pertandingan membaca Al-Quran Kategori 'B' di bawah umur 12 tahun bersama abang beliau Awangku Abdul Haadi bin Pengiran Haji Jofri pada ketika itu berumur sembilan tahun. Itulah kali pertama Dayangku Fauziah Nadhirah diajar membaca Al-Quran secara berlagu. Selain itu juga, beliau menjalani latihan setiap malam yang dibimbing oleh ibu beliau yang mana ibu beliau juga merupakan seorang johan qariah pada Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur pada tahun 2002. Segala ilmu tentang pembacaan Al-Quran adalah daripada ibu beliau sendiri.

Memandangkan kedua ibu bapa beliau merupakan guru ugama terlatih, setiap bacaan akan sentiasa dipantau dan diperhalusi sebelum pertandingan agar dapat mempersembahkan bacaan yang terbaik dan setelah selesai pertandingan, beliau menjadikan pengalaman pertandingan itu sebagai pembelajaran beliau untuk memperbaiki lagi kualiti bacaan pada pertandingan seterusnya.

### Cabaran yang dihadapi

Apa pun yang kita lakukan pasti akan berhadapan dengan pelbagai cabaran. Begitu juga dengan Dayangku Fauziah Nadhirah, cabaran yang paling berat pernah dihadapi ialah pada ketika beliau mewakili Negara Brunei Darussalam ke peringkat antarabangsa pada tahun 2019, di mana keadaan kesihatan beliau kurang baik yang menyebabkan beliau hilang suara dua hari sebelum pertandingan. Ibu beliaulah orang yang paling banyak membantu dan memastikan beliau mendapatkan rehat yang cukup. Usaha ibu beliau yang menjaga dan memberikan ubat tepat pada waktunya telah membangkitkan lagi semangat beliau untuk meneruskan pertandingan tersebut meskipun keadaan kesihatan beliau belum begitu pulih akan tetapi beliau tetap bersemangat untuk mempersembahkan bacaan Al-Quran semaksimal mungkin.

### Pencapaian

Antara pencapaian-pencapaian yang beliau perolehi :

1. Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Dewasa Kebangsaan (2022).
2. Tempat ke-2 Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Kebangsaan (2022).
3. Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Serantau Sempena Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-9 UNISSA (2019).
4. Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Kebangsaan (2011, 2012, 2013, 2018, 2020, 2021).
5. Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara (2007, 2008, 2010).
6. Naib johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Dewasa Kebangsaan (2018, 2019, 2020, 2021).
7. Naib johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Asia Tenggara (2011, 2013).
8. Naib johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Kebangsaan (2010, 2017, 2019).
9. Naib johan Musabaqah Tilawatil Quran Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara (2009, 2011).
10. Tempat ke-4 bagi Kategori Tilawah di Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa [MTHQA] (2019).

### Cara untuk istiqamah dalam membaca Al-Quran

Apabila ditanya tentang cara untuk terus beristiqamah dalam membaca Al-Quran, beliau mengatakan, pertama sekali, kita harus mempunyai matlamat. Sebagaimana hadis riwayat Muslim, bahawa sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud :

"*Bacalah Al-Quran, kerana ia akan datang pada Hari Kiamat untuk memberikan syafaat kepada pembacanya*".

Kedua, meyakini bahawa dengan membaca Al-Quran, kita akan meraih rahmat dan keberkatan di dunia dan di akhirat. Akhir sekali ialah usaha kita. Beliau secara peribadi berpendapat bahawa istiqamah atau 'menjalankan sesuatu suruhan secara terus-menerus' itu adalah sesuatu yang perlu diusahakan. InsyaaAllah, dengan mengetahui matlamat dan meyakini kelebihan membaca Al-Quran dapat memberi motivasi bagi setiap umat Islam untuk berusaha untuk istiqamah dalam membaca Al-Quran.

### Pesanan kepada belia

Beliau yakin bahawa setiap warganegara Brunei yang beragama Islam mempunyai asas pembacaan Al-Quran yang telah diterapkan sejak sekolah ugama lagi. Walau bagaimanapun, sepertimana petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Nuzul Al-Quran Bagi Tahun 1443 Hijrah bersamaan dengan 2022 Masihi :

"*Kita jangan sekali-kali lupa, bahawa Al-Quran adalah penunjuk jalan yang paling lurus untuk diikuti, dan bahkan sebagai penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman*".

Namun begitu, bagi para belia yang mempunyai kemahiran tertentu sudah semestinya mempunyai cita-cita untuk memajukan diri ke peringkat yang lebih tinggi. Dengan kejayaan beliau ini, sangatlah tinggi harapan untuk para belia yang lain agar terinspirasi untuk mengikuti jejak beliau dan melahirkan belia yang berkualiti serta penuh dengan ilmu agama sepertimana yang diharapkan oleh Negara Brunei Darussalam.



# Kerajaan komited lindungi kebajikan pekerja

**Sumber : Brunei Darussalam Sustainable Developments Goals Annual Report 2021**
**Terjemahan : Hezlinawati Haji Abdul Karim**

### Pembelajaran dalam talian

**PENUTUPAN** sekolah dan sekatan aktiviti perkumpulan besar-besaran akibat pandemik COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) mendorong Kementerian Pendidikan untuk membuat dokumen Business Continuity Plan (BCP) sebagai garis panduan kepada institusi pendidikan di semua peringkat dalam mengurangkan gangguan kepada sistem pendidikan terutamanya dalam meminimumkan *learning loss*.

Pengajaran dan pembelajaran diteruskan melalui pelbagai platform. Pembelajaran dalam talian berasaskan rumah *home-based online* telah diperkenalkan dengan segera oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan sebagai tambahan kepada pek pembelajaran di rumah secara fizikal.

### Kementerian Pendidikan melalui perkongsian komuniti, sokongan dari Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility - CSR)

CSR menyediakan pelajar-pelajar kurang bernasib baik dengan akses kepada peranti elektronik. Begitu juga, bekerja rapat dengan pihak berkaitan menyebabkan kos data dikurangkan untuk mengakses platform pendidikan. Salah satu contoh usaha komuniti ialah daripada Pihak Berkuasa Industri Teknologi Maklumat Komunikasi (AITI) dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Kementerian Pendidikan yang menganjurkan 'ICT Donation Drive' yang membolehkan sektor awam dan swasta untuk menderma komputer, komputer riba dan tablet untuk pelajar yang memerlukan peranti tersebut.

### Inisiatif keagamaan, kerohanian

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, menekankan keperluan untuk terus berpegang teguh dalam iman dan melaksanakan sembahyang dan berdoa, di samping mematuhi Prosedur Operasi Sosial (SOP) yang disediakan oleh kerajaan.

Beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk mengukuhkan perpaduan rakyat NBD melalui aktiviti keagamaan dan kerohanian. Contohnya salinan digital dan fizikal buku zikir dan doa COVID-19 oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid yang diedarkan ke seluruh negara. Selain itu, acara maya seperti bacaan Surah Yaa Siin, Solat Hajat dan doa memohon perlindungan Allah yang juga dianjurkan oleh KHEU.

### Penyampaian perkhidmatan alternatif, pendigitalan perkhidmatan kerajaan

Pandemik COVID-19 telah mempercepatkan penyediaan penyampaian perkhidmatan alternatif dan pendigitalan perkhidmatan kerajaan. Antara usaha yang dilaksanakan ialah perkhidmatan pembayaran pandu lalu untuk pencen, pembayaran bayaran melalui platform digital, dan perkhidmatan tambahan yang membolehkan agensi kerajaan membuat pembayaran yang diperlukan melalui platform dalam talian. Kebanyakan agensi kerajaan juga telah mula menyediakan perkhidmatan dalam talian untuk kemudahan orang ramai.

## MELINDUNGI PEKERJAAN, MENYEDIAKAN SOKONGAN UNTUK INDIVIDU

### Penangguhan sumbangan TAP, SCP untuk PMKS

COVID-19 telah memberi kesan kepada ekonomi dan kehidupan di seluruh dunia. Perniagaan terpaksa menukar strategi, dasar dan tawaran mereka untuk kekal dalam perniagaan. Bagi menyokong perniagaan dan syarikat, kerajaan memperkenalkan beberapa langkah termasuk penangguhan Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Pencen Caruman Tambahan (SCP) untuk pekerja tempatan yang berpendapatan kurang daripada BND1,500 sebulan dalam semua sektor di bawah Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang mempunyai kurang daripada 100 pekerja. Kerajaan meneruskan caruman bulanan bagi memastikan pembayaran dividen tahunan kepada pekerja tidak terjejas. PMKS yang layak dikehendaki memohon penangguhan dan perlu membayar balik caruman dalam tempoh setahun selepas bulan terakhir penangguhan. Langkah sementara ini adalah untuk memastikan bahawa beban kewangan perniagaan akan dikurangkan supaya mereka dapat meneruskan pengambilan dan mengelak pemberhentian pekerja dan untuk memastikan simpanan persaraan berterusan dan penerima mereka dilindungi.

### Subsidi gaji untuk PMKS

Dalam usaha mengehadkan pemberhentian dan menyokong perniagaan semasa pandemik COVID-19, kerajaan menyediakan subsidi gaji untuk pekerja tempatan yang berpendapatan kurang daripada BND1,500 sebulan dalam semua sektor di bawah PMKS dengan pekerja kurang daripada 100 untuk tempoh tiga bulan. Kerajaan membayar geran yang meliputi sehingga 25 peratus daripada gaji pekerja jika syarikat mengekalkan pekerja dalam senarai gaji mereka dan bukannya memberhentikan mereka. Langkah ini adalah untuk memastikan bahawa beban kewangan perniagaan akan dikurangkan untuk melindungi pekerjaan dan menyediakan sokongan untuk individu.

### Sokongan untuk individu bekerja sendiri

Selain penangguhan pembayaran kepada SCP dan TAP oleh PMKS, kerajaan juga menyediakan caruman penuh SCP untuk individu yang bekerja sendiri. Langkah ini adalah untuk memastikan individu yang bekerja sendiri mempunyai perlindungan berterusan Dana Survivorship.

### Pembelajaran sepanjang hayat

Dalam masa ketidaktentuan dan aktiviti perlahan, syarikat digalakkan untuk menjalankan latihan peningkatan kemahiran dan kemahiran semula untuk kakitangan tempatan mereka, yang disediakan oleh Manpower Planning and Employment Council. Kursus dalam talian dan praktikal dalam IT, pengaturcaraan dan analisis data serta dalam sektor makanan dan minuman telah disediakan. Akademi Perniagaan Industri (Industry Business Academy - IBA), Darussalam Enterprise (DARe) menawarkan kursus tajaan kepada perniagaan melalui Coursera dalam lebih 300 kursus berkaitan perniagaan dalam tujuh domain utama termasuk pemasaran dan jualan, kewangan dan perakaunan, inovasi dan reka bentuk serta kemahiran data. Ini juga selaras dengan usaha Kementerian Pendidikan dengan Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Lifelong Learning Centre - LLLC). Pada masa ini, pusat itu bertujuan untuk membangunkan dasar, rangka kerja dan garis panduan untuk menggalakkan akses kepada program pembelajaran sepanjang hayat, mengkaji semula peruntukan pembelajaran sepanjang hayat, dan menggalakkan pendaftaran untuk pelajar dari semua peringkat umur.

### Program perantisan i-Ready

Sambungan kontrak diberikan untuk perantis i-Ready di kedua-dua sektor awam dan swasta untuk tempoh enam bulan. Program perantisan i-Ready turut diperluaskan merangkumi dua peringkat tambahan iaitu Diploma Tahap 5 (HND atau setaraf Diploma Lanjutan) dan Tahap 2 hingga 4 di bawah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

### Perkhidmatan pemadanan pekerjaan dipertingkatkan

Laman sesawang JobCentre Brunei (JCB) telah dirombak untuk mendedahkan ciri baharu seperti padanan kerja, pemberitahuan masa nyata untuk padanan kerja, dan membolehkan syarikat mendapatkan profil bakat dan laporan keserasian berdasarkan kriteria yang ditetapkan untuk pekerjaan tersebut. JCB juga aktif menyokong syarikat swasta, terutamanya sektor pembuatan, keselamatan, perkhidmatan dalam talian, dan logistik yang memerlukan tenaga kerja yang lebih besar dengan menyediakan perkhidmatan seperti menghantar SMS amaran *(alert SMS)* kepada pencari kerja tempatan, menyediakan kumpulan bakat untuk rujukan syarikat, dan menjalankan temu duga melalui platform maya.

### Kelayakan untuk cuti sakit bergaji

Untuk memastikan pekerja yang baru dilantik akan terus dibayar walaupun dalam keadaan di mana mereka perlu menjalani pengasingan diri, rawatan perubatan atau kuarantin, Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengurangkan kelayakan pekerja untuk memohon cuti sakit bergaji dari enam bulan kepada satu bulan dari mula bekerja.

### Bantuan Kewangan COVID-19 melalui Sistem Kebajikan Negara (SKN)

Berkuat kuasa 1 September 2021 hingga 30 November 2021, kerajaan juga telah menyediakan bantuan kewangan untuk pekerja sektor swasta yang terjejas (gaji pokok BND1,500 dan ke bawah sebulan), yang telah ditamatkan perkhidmatan kerana impak pandemik COVID-19 tetapi bukan disebabkan tindakan tatatertib atau peletakan jawatan.

Pada masa yang sama melindungi mereka yang bercuti tanpa gaji melebihi tujuh hari sama ada akibat impak pandemik yang dikeluarkan oleh syarikat atau Perintah Kuarantin (QO) oleh Kementerian Kesihatan. Bantuan ini juga meliputi mereka yang bekerja sendiri dan juga pekerja bebas. Bantuan kewangan yang diberikan ialah BND250 sebulan dan BND50 bagi setiap tanggungan termasuk suami atau isteri dan anak sehingga empat orang anak yang berumur di bawah 18 tahun.

PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# PENGGUNA BOLEH CIAP TEKS PANJANG DI TWITTER

**WASHINGTON**, 6 Nov. - Usahawan jutawan Amerika Syarikat (AS) Elon Musk yang baru-baru ini memperoleh Twitter berkata platform media sosial itu tidak lama lagi akan membolehkan pengguna untuk membuat catatan lebih panjang, lapor Sputnik.

"Tidak lama lagi Twitter akan menambah keupayaan untuk pengguna membuat catatan teks ciapan panjang, menamatkan tangkapan skrin notepad," kata Musk di laman Twitternya pada Sabtu.

Dalam satu lagi ciapan, Musk berjanji untuk turut menambah baik fungsi carian rangkaian sosial itu.

"Carian dalam Twitter mengingatkan saya tentang Infoseek pada '98! Itu juga akan menjadi lebih baik secara pronto," kata Musk.

Musk memuktamadkan perjanjian pemerolehan Twitter dengan belian US$44 bilion minggu lepas sebelum pengundi keluar mengundi pada pemilihan pertengahan penggal pada 8 Nov bagi menentukan siapa akan mengawal Kongres AS.

Menurut Musk Twitter mempunyai banyak potensi, namun syarikat itu pada masa ini tidak mempunyai pilihan selain memecat pekerja memandangkan syarikat itu mengalami kerugian.

Lima pekerja dan bekas pekerja memfailkan saman terhadap syarikat media sosial itu pada Khamis kerana didakwa gagal memberikan notis yang mencukupi mengenai pemberhentian besar-besaran berikutan pengambilalihan Musk itu.

Selepas melengkapkan pemerolehan rangkaian media sosial itu, Musk memecat Ketua Pegawai Eksekutif Parag Agrawal, Ketua Pegawai Kewangan Ned Segal dan Ketua Pegawai Undang-undang Vijaya Gadde.

Jutawan AS itu juga berkata majlis khas "dengan sudut pandangan yang pelbagai" akan ditubuhkan untuk menyederhanakan platform berkenaan. - ©BERNAMA

## Peru : Bantahan besar-besaran terhadap Presiden Castillo

**MEXICO CITY**, 6 Nov. - Beribu-ribu orang mengadakan protes di Peru menuntut Presiden Pedro Castillo meletakkan jawatan, lapor Sputnik.

Protes berlangsung pada Sabtu di Lima serta wilayah Piura, Trujillo, Chiclayo, Cusco dan Huancayo, menurut penyiar Radio Programas del Peru (RPP).

Demonstrasi berjalan secara aman namun di Lima, polis menggunakan gas pemedih mata menyebabkan seorang daripda penunjuk perasaan cedera.

Presiden Pedro Castillo terpalit dengan tuduhan rasuah. Pada Julai, pejabat pendakwa raya mengumumkan pihaknya sedang menyiasat Castillo selepas bekas menteri dalam negeri Mariano Gonzalez, mendakwa Castillo melindungi orang-orang terdekatnya yang terlibat dalam kes jenayah.

Pada awal Ogos, pendakwa raya Peru menyerbu istana kerajaan di Lima serta rumah presiden di Chota, utara Peru untuk mencari Yenifer Paredes kerana disyaki terbabit dengan jenayah rasuah.

Yenifer Paredes ialah kakak kepada isterin Castillo, Lilia Paredes Navarro. Pada akhir Ogos, Yenifer dikenakan tahanan pencegahan selama 30 bulan.

Castillo menafikan semua tuduhan terhadapnya serta keluarganya. - ©BERNAMA

## Lebih sedozen orang awam maut dalam kejadian letupan di Mogadishu

**MOGADISHU**, 6 Nov. - Seorang pengebom bunuh diri meletupkan dirinya di pintu masuk kem latihan tentera di bahagian selatan Mogadishu pada petang Sabtu, mengorbankan sekurang-kurangnya 15 orang, lapor Xinhua.

Orang awam dan rekrut baharu adalah antara yang terkorban manakala berpuluh-puluh lagi cedera, lapor portal berita Garowe pada Ahad memetik seorang pegawai tentera.

Kumpulan Al-Shabaab mengaku bertanggungjawab atas serangan itu, menurut media tempatan lain.

Pasukan Tentera Kebangsaan Somalia yang disokong oleh militia pro-kerajaan membunuh lebih 100 militan Al-Shabaab pada petang Khamis semasa serangan di sebuah kampung di wilayah Hiran di tengah Somalia.

Di Mogadishu minggu lepas, dua letupan bom kereta yang menyasarkan bangunan Kementerian Pendidikan Somalia, membunuh sekurang-kurangnya 100 orang dan mencederakan lebih 300 yang lain.

Al-Shabaab berjuang selama lebih sedekad untuk menjatuhkan kerajaan pusat Somalia bagi menubuhkan pemerintahannya sendiri. - ©BERNAMA

## Kerajaan tidak boleh 'selesaikan setiap masalah'

**MOSCOW**, 5 Nov. - Perdana Menteri United Kingdom (UK) Rishi Sunak berkata kerajaan tidak dapat menyelesaikan semua masalah yang dihadapi rakyat Britain.

Sunak yang dijangka mengumumkan kenaikan cukai £50 bilion (US$56.9 bilion) dan pemotongan belanjawan memberitahu The Times pada Jumaat, kepercayaan terhadap Parti Konservatif telah dirosakkan oleh bajet "gula-gula" pemimpin sebelum ini Liz Truss, tetapi masyarakat tidak boleh mengharapkan kerajaan untuk "menyelesaikan setiap masalah".

Beliau akan mendapatkan semula kepercayaan rakyat dengan berlaku jujur tentang kesulitan ekonomi yang dihadapi UK dan "yakin" rakyat Britain akan menilai belanjawan musim luruhnya pada 17 Nov nanti sebagai bajet yang "adil dan bertimbang rasa", lapor Sputnik.

Liz Truss, dilantik sebagai perdana menteri UK pada September bagi menggantikan bekas Perdana Inggeris Boris Johnson, dan hanya berkhidmat selama 44 hari.

Pada 20 Okt, beliau mengumumkan peletakan jawatannya berikutan kritikan hebat terhadap rancangan ekonomi baharu kerajaan dan kemungkinan meningkatkan hutang awam bagi melaksanakannya.

Pada 25 Okt, Raja Charles III melantik Rishi Sunak sebagai perdana menteri baharu. - ©BERNAMA

## Imran Khan ikrar teruskan protes

**NEW DELHI**, 5 Nov. - Bekas Perdana Menteri Pakistan Imran Khan pada Jumaat berikrar meneruskan bantahan sebaik sahaja kecederaan di kakinya pulih, akibat ditembak pada Khamis.

Bercakap di sebuah hospital selepas menjalani pembedahan, Imran meminta penyokongnya mengadakan protes di jalanan sehingga Perdana Menteri Shehbaz Sharif meletak jawatan.

"Sebaik sahaja saya keluar hospital, saya akan berada di jalan raya," kata Imran.

Beliau sekali lagi akan meminta orang ramai berkumpul di ibu negara Islamabad.

Cubaan membunuh Imran berlaku ketika beliau menyertai perhimpunan di bandar Wazirabad, wilayah Punjab.

Bekas perdana menteri itu mengetuai perhimpunan "Haqeeqi Azadi" (kebebasan sebenar) parti Pakistan Tehreek-e-Insaf (PTI) menuju Islamabad bagi menuntut pilihan raya awal.

Imran, 70, terselamat daripada serangan itu.

Dalam kejadian itu 11 orang cedera manakala seorang penyokongnya terbunuh.

Imran dikatakan sudah memperoleh maklumat bahawa serangan terhadapnya akan dilancarkan sama ada di bandar Wazirabad atau Gujarat.

Beberapa siri protes berlaku di seluruh Pakistan sejak serangan pada Khamis itu. - ©BERNAMA

## Nenek dukung cucu 200 meter redah banjir

**PASIR MAS**, 6 Nov. - Lima keluarga terpaksa berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) malam tadi susulan limpahan air Sungai Lanchang di Kampung Bendang Perol, Gual To'Deh, Rantau Panjang, di sini.

Narizan Zakaria, 57, berkata dia terpaksa meredah banjir separas 0.5 meter mendukung cucu lelakinya yang berusia 19 hari ke jalan utama, sebelum dibawa ke PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Gual To'Deh.

"Kawasan rumah memang biasa banjir namun semalam tidak hujan.

"Kejadian berlaku akibat limpahan Sungai Lanchang yang air memasuki rumah separas buku lali kira-kira 10 malam," katanya ketika ditemui di PPS berkenaan hari ini.

Norizan berkata bimbang dengan keadaan itu, mereka sekeluarga segera keluar dari rumah bagi berlindung di PPS tersebut.

"Anak saya, Zulkartini Hassan, 31, sedang berpantang selepas melahirkan anak sulung... kalau air naik lagi, tak ada tempat nak selamatkan diri.

"Jadi, saya dukung cucu Mohamad Aydel Rafael Muhammad Saiful manakala Zulkartini dibawa menggunakan perahu," katanya dan menambah apabila tiba di jalan utama, Zulkartini dibawa dengan kereta ke PPS itu.

Berdasarkan portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat, seramai 17 mangsa banjir daripada lima keluarga ditempat di PPS SK Gual To'Deh setakat 5 petang tadi.- ©BERNAMA

## Bas meletup ragut satu nyawa, 11 lagi cedera di selatan Filipina

**MANILA**, 6 Nov. - Letupan dalam sebuah bas di selatan Filipina membunuh sekurang-kurangnya seorang dan mencederakan 11 yang lain pada Ahad, lapor Xinhua, memetik jurucakap tentera.

Komander Divisyen Infantri Keenam Tentera Darat Mejar Jeneral Roy Galido berkata bom yang dipercayai buatan sendiri itu meletup sekitar 11.30 pagi waktu tempatan (0330 GMT) ketika bas itu dalam perjalanan ke barat daya dari Bandar Kidapawan ke Bandar Tacurong di pulau Mindanao.

Lt Kol Dennis Almorato dari bahagian sama turut mengesahkan seorang lelaki maut di tempat kejadian dan penumpang yang cedera dibawa ke hospital tempatan.

Siasatan sedang dijalankan, katanya.

Galido berkata tentera berkerjasama dengan polis wilayah untuk menyiasat sama ada serangan itu sebahagian daripada aktiviti peras ugut kumpulan penjenayah di situ.

Syarikat bas kerap menerima ancaman bom, kata Galido.

Tiada kumpulan mengaku bertanggungjawab atas serangan itu.

Pada Mei lepas, letupan memusnahkan bahagian belakang bas syarikat yang sama, menyebabkan dua cedera. - ©BERNAMA

## Kanada lapor 1,444 kes cacar monyet

**OTTAWA**, 5 Nov. - Kanada melaporkan 1,444 kes cacar monyet termasuk 42 pesakit dimasukkan ke hospital, menurut Agensi Kesihatan Awam Kanada pada Jumaat.

Sebanyak 688 kes direkodkan di Ontario, 525 (Quebec), 179 (British Columbia), 41 (Alberta), enam (Saskatchewan), dua (Yukon) dan masing-masing satu dari Nova Scotia, Manitoba dan New Brunswick, lapor Xinhua.

Dos kedua vaksin cacar monyet sedang dilancarkan di negara ini.

Jawatankuasa Penasihat Kebangsaan mengenai Imunisasi mengesyorkan vaksin berkenaan digunakan sebagai kaedah pencegahan terhadap mereka yang berisiko terdedah, tidak menunjukkan sebarang gejala dan diberikan 28 hari selepas suntikan pertama.

Cacar monyet boleh merebak menerusi kontak rapat dengan orang yang dijangkiti, termasuk melalui pelukan, ciuman, urutan atau hubungan seksual, menurut pakar. - ©BERNAMA

## Subvarian baharu Omicron sumbang 35 peratus kes COVID-19 di AS

**LOS ANGELES**, 5 Nov. - Subvarian baharu Omicron BQ.1 dan BQ.1.1 menyumbang lebih 35 peratus kes COVID-19 di Amerika Syarikat (AS) minggu ini, menurut Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit AS (CDC).

BQ.1.1 menyumbang hampir 19 peratus manakala BQ.1 merangkumi 16.5 peratus kes yang dikesan minggu ini, menurut laporan CDC yang dikeluarkan pada Jumaat.

Kedua-dua varian baharu itu merebak dengan pantas sejak Oktober, lapor Xinhua.

Subvarian berkenaan menyumbang kira-kira satu daripada empat jangkitan COVID-19 di seluruh negara minggu lalu dan kini merebak dengan pantas di Eropah. - ©BERNAMA

# NURSES WARRIOR RANGKUL GELARAN JUARA

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BERAKAS**, Ahad, 6 November. - Pasukan Nurses Warrior muncul juara pada Kejohanan Bola Jaring Piala Menteri Kesihatan Antara Jabatan-Jabatan / Bahagian-Bahagian di bawah Kementerian Kesihatan pada perlawanan akhir yang berlangsung di Dewan Gerak Badan, Bolkiah Garrison, Kementerian Pertahanan, di sini.

Pada perlawanan akhir tersebut, Nurses Warrior menewaskan Pasukan PMMPMHAMB dengan jaringan 23 - 14.

Sementara itu, pada perlawanan penentuan tempat ketiga antara Pasukan Pharmacy dengan Pasukan Dental, tempat ketiga disandang oleh Pharmacy setelah mengalahkan Dental dengan keputusan 9 - 5.

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan perlawanan akhir tersebut dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah dan cenderahati ialah isteri Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datin Dr. Hajah Noraslinah binti Haji Ramlee.

Sebanyak 11 pasukan menyertai Pertandingan Bola Jaring yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawah Kementerian Kesihatan dari keempat-empat daerah.

Antara lain, objektif kejohanan ialah untuk menggalakkan pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan untuk bergiat cergas dan aktif melakukan aktiviti-aktiviti kesukanan.

Seterusnya, meningkatkan persefahaman dan kerjasama secara berpasukan (*teamwork*) dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan kerjasama dalam kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

Turut hadir pada acara tersebut ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Dr. Hajah Anie Haryani binti Haji Abd. Rahman serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.







**ISTERI Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datin Dr. Hajah Noraslinah binti Haji Ramlee menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang (kiri dan atas kanan), manakala gambar kanan, aksi pada perlawanan akhir tersebut.**




## Perenang Amerika Ledecky cipta rekod dunia kedua dalam tempoh seminggu

**MOSCOW**, 6 Nov. - Perenang Amerika Syarikat (AS) Katie Ledecky mencipta rekod dunia baharu dalam acara 800m gaya bebas pada Piala Dunia FINA di Indianapolis, lapor Sputnik.

Ledecky menamatkan saingan dalam masa 7 minit, 57.42 saat pada Sabtu, mengatasi rekod sebelumnya 7:59.34 yang dicipta Mireia Belmonte Garcia dari Sepanyol pada Ogos 2013.

Sabtu lepas, Ledecky, 25, mencatatkan masa 15:08.24 dalam acara 1,500m gaya bebas Piala Dunia FINA di Toronto, Kanada, sekali gus mencipta satu lagi rekod dunia.

Masa yang diciptanya itu hampir 10 saat lebih pantas berbanding rekod lama yang dicatat Sarah (Kohler) Wellbrock dari Jerman pada 2019 (15:18.01).

Pada Jumaat 28 Okt, perenang Kanada Summer McIntosh, 16, mencipta rekod baharu dalam acara 400 meter gaya bebas wanita menewaskan Ledecky pada Piala Dunia FINA 2022. McIntosh mencatat masa 3:52.80 manakala Ledecky meraih perak (3:52.88). - ©BERNAMA

## Tenis : Kecederaan ranapkan impian Carlos Alcaraz untuk terus beraksi musim ini

**ISTANBUL**, 6 Nov. - Pemain tenis ranking utama dunia, Carlos Alcaraz terlepas peluang untuk beraksi pada baki kejohanan tahun ini akibat kecederaan otot perut, lapor Agensi Anadolu.

"Selepas saya menarik diri semalam dan dinilai oleh pasukan perubatan saya, @drlopezmartinez dan@JuanjoMoreno M, malangnya otot dalaman di dinding perut kiri koyak dan mengambil masa enam minggu untuk pulih," ciapnya Alcaraz di Twitternya pada Sabtu.

Berikutan kecederaan itu Alcaraz, 19, terpaksa menarik diri daripada Pusingan Akhir ATP dan Pusingan Akhir Piala Davis.

"Sukar dan menyakitkan untuk terlepas dua acara yang sangat penting bagi saya, namun saya perlu positif dan fokus pada pemulihan saya," katanya.

Pemain cemerlang Sepanyol ini merangkul juara perseorangan lelaki Terbuka AS 2022 sekali gus memenangi kejuaraan Grand Slam sulungnya. - ©BERNAMA




# LEBIH 1,000 PESERTA SERTAI RIADAH AMAL HPA

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-29 semasa merasmikan dan seterusnya menyertai acara Riadah Amal HPA bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien (kiri). Manakala gambar kanan, acara dimulakan dengan sesi pemanasan badan yang disertai oleh Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 6 November. - Bersempena dengan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-29 pada tahun ini, Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan dan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, hari ini, menganjurkan acara Riadah Amal HPA.

Acara yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di sini dimulakan dengan sesi pemanasan badan.

Kemudian acara diikuti dengan pelepasan Aktiviti Berbasikal Sejauh 10 Kilometer, Aktiviti Walkathon Sejauh 2.5km bagi peserta lelaki dan Aktiviti Walkaton Sejauh 1.6km bagi peserta perempuan.

Hadir merasmikan acara berkenaan dan melepaskan Aktiviti Berbasikal dan Aktiviti Walkaton Lelaki ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HPA Ke-29.

Sementara itu, pelepasan bagi Aktiviti Walkaton Wanita disempurnakan oleh isteri Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, Datin Hajah Zubaidah binti Haji Mahmud.

Riadah Amal yang mengumpulkan lebih 1,000 peserta itu bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Turut hadir, Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan kerajaan.

# Terapkan gaya hidup sihat



**PENGARAH Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim menyerahkan Sijil Penghargaan kepada Tenaga Pengajar HSN Fitness (kiri), manakala gambar kanan, antara yang menyertai aktiviti tersebut.**

Berita dan Foto : Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Temburong

**TEMBURONG**, Sabtu, 5 November. - Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Temburong dengan kerjasama HSN Fitness mengadakan Aktiviti FITNESS4U, iaitu Sesi Senamrobik dan Tabata, di Dewan Serbaguna Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, di sini.

Aktiviti Fitness tersebut dibimbing oleh Tenaga Pengajar dari HSN Fitness, disertai oleh para Pegawai serta kakitangan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) Cawangan Temburong serta orang ramai.

Antara yang menyertai aktiviti tersebut, Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim.

Tujuan aktiviti tersebut diadakan bagi mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga KKBS Cawangan Daerah Temburong dan orang ramai, selain meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang gaya hidup sihat serta kegiatan fizikal untuk diterapkan ke dalam aktiviti seharian dan menghindarkan serta mengurangkan risiko menghidap penyakit-penyakit, seperti obesiti, jantung dan sebagainya.

Aktiviti yang dijalankan selama 1 jam 30 minit itu diakhiri dengan penyerahan Sijil Penghargaan daripada Pengarah Belia dan Sukan kepada Tenaga Pengajar HSN Fitness, disusuli dengan sesi bergambar ramai.



MENGHORMATI, MENYAYANGI DAN MENJAGA KEBAJIKAN KEDUA IBU BAPA SERTA WARGA EMAS